


OKTOBER 1 -15, 2020

PENANG 2030

# BULETIN MUTIARA

PERCUMA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

# Bekerja Sebagai SATU Pasukan

## fokus pemulihan ekonomi pasca COVID-19

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **CHAN KOK KUAN**

**GEORGE TOWN –** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow mengumumkan penyusunan dan penjenamaan semula portfolio barisan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) Pulau Pinang berkuat kuasa 15 September 2020.

Beliau berkata, penyusunan dan penjenamaan semula tersebut dianggap sebagai keperluan selari dengan fokus Kerajaan Negeri terhadap pemulihan serta peningkatan ekonomi pasca COVID-19.

Tambahnya, keadaan normal baharu (pasca COVID-19) memerlukan pentadbiran Kerajaan Negeri memikirkan semula beberapa perkara yang perlu diberikan penekanan dan keutamaan.

"Tindakan ini menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri memahami keperluan bagi meningkatkan kemampuan negeri untuk bertindak sesuai dengan keadaan normal baharu pasca COVID-19 khususnya dalam sektor ekonomi dan revolusi Industri 4.0.

"Oleh itu, perubahan ini melibatkan beberapa portfolio digabungkan dan dijenamakan semula, beberapa portfolio lain diganti untuk menonjolkan fokus barunya sementara beberapa portfolio lagi telah dipindahkan dalam proses penggabungan," katanya pada sidang media yang turut dihadiri barisan Exco Kerajaan Negeri di sini 9 September lalu.

Mengulas lanjut, Kon Yeow menjelaskan bahawa beliau akan memegang portfolio Pembangunan Tanah & Ekonomi yang dibentuk berdasarkan fakta bahawa perancangan dan pembangunan ekonomi di peringkat negeri adalah terikat dengan pengurusan tanah.

"Ia melibatkan penyatuan portfolio Hal Ehwal Tanah dan Pembangunan Tanah dengan Perancangan Ekonomi yang sebelum ini di bawah Timbalan Ketua Menteri II (TKMII).

"Cabaran ekonomi yang dihadapi penduduk Pulau Pinang memerlukan perancangan ekonomi diberikan keutamaan di samping tumpuan terhadap kepentingan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) terhadap ekonomi negeri.

"Kebergantungan yang tinggi oleh sejumlah besar rakyat ke atas sektor PKS menuntut Ketua Menteri untuk menyelaraskan dasar-dasar yang dapat membantu mereka untuk terus berdaya maju," ulasnya.

Dalam pada itu, Kon Yeow menyatakan bahawa sokongan kepada semua Exco dan agensi untuk pembangunan ekonomi digital melalui penubuhan *Digital Penang* adalah di bawah pimpinan beliau sendiri.

Selain itu katanya, beliau juga akan kekal bertanggungjawab ke atas portfolio Komunikasi manakala portfolio Pengangkutan dipindahkan kepada Zairil Khir Johari.

"Perubahan turut melibatkan pembentukan portfolio Ekonomi Kreatif di bawah YB Yeoh Soon Hin yang bertujuan merangsang dan meningkatkan kreativiti belia khasnya serta inovasi teknologi berkaitan dengan warisan, seni dan budaya Pulau Pinang yang unik.

"Portfolio Agroteknologi & Keselamatan Makanan juga dibentuk dan dipegang oleh YB Dr. Norlela Ariffin untuk merangsang pelaburan bagi penggunaan teknologi dalam pembangunan sektor pertanian yang penting kepada masa depan kawasan pinggir bandar serta luar bandar," katanya.

Menjawab soalan pemberita, Kon Yeow menerangkan bahawa walaupun secara kolektifnya setiap Exco bertanggungjawab terhadap portfolio masing-masing, namun mereka tetap perlu bekerja sebagai satu pasukan dalam menyampaikan perkhidmatan kepada rakyat.

"Sebagai contoh apabila YB Chong Eng memperkenalkan dasar yang mensasarkan 30 peratus penglibatan wanita di peringkat pembuat keputusan, maka Exco-Exco lain juga perlu menyokong polisi ini dengan memastikan agensi-agensi yang ada di bawah portfolio mereka melaksanakannya.




**PORTFOLIO YANG BERHORMAT AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG**

| EXCO | PORTFOLIO | EXCO | PORTFOLIO |
|---|---|---|---|
| YAB Tuan Chow Kon Yeow (Ketua Menteri) | • Pembangunan Tanah & Ekonomi<br>• Komunikasi | YB Tuan Zairil Khir Johari | • Infrastruktur<br>• Pengangkutan |
| YB Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman (TKMI) | • Hal Ehwal Agama Islam<br>• Koperasi<br>• Pemerkasaan Komuniti | YB Dato' Abdul Halim Hussain | • Perdagangan & Industri<br>• Pembangunan Keusahawanan |
| YB Prof. Dr. Ramasamy Palanisamy (TKMII) | • Pembangunan Modal Insan<br>• Pendidikan<br>• Sains & Teknologi | YB Tuan Yeoh Soon Hin | • Pelancongan<br>• Ekonomi Kreatif |
| YB Puan Chong Eng | • Pembangunan Sosial<br>• Hal Ehwal Bukan Islam | YB Tuan Soon Lip Chee | • Belia<br>• Sukan |
| YB Tuan Jagdeep Singh Deo | • Perumahan<br>• Kerajaan Tempatan<br>• Perancangan Bandar & Desa | YB Dr. Norlela Ariffin | • Agroteknologi & Keselamatan Makanan<br>• Pembangunan Luar Bandar<br>• Kesihatan |
| YB Tuan Phee Boon Poh | • Alam Sekitar<br>• Kebajikan | | |

"Kerajaan Negeri mengambil maklum mengenai perkara yang dibangkitkan dan berharap kami dapat bekerja sebagai satu pasukan," ulasnya menjawab pertanyaan pemberita mengenai keperluan bagi setiap Exco untuk memegang sesebuah portfolio bagi tempoh dua penggal sahaja sebagaimana jawatan Ketua Menteri pada masa ini.

# Kempen Derma Darah, PDC teruskan CSR

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**

**GEORGE TOWN –** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow memuji usaha murni pihak Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) yang menganjurkan kempen derma darah pada setiap tahun sejak 2007.

Beliau berkata, penganjuran program sedemikian dapat menyumbang pada bekalan tabung darah di hospital-hospital khasnya Hospital Pulau Pinang (HPP) yang kini berada pada paras amat rendah.

"Nampaknya sambutan yang diterima pada penganjuran kali ini adalah agak baik yang mana sehingga jam 1 petang, seramai 73 orang telah menderma darah.

"Kita tahu bahawa tabung darah hospital sekarang dalam keadaan memerlukan, jadi acara seperti ini akan dapat membantu pihak hospital mendapatkan sumber darah bagi memanfaatkan pesakit-pesakit yang memerlukan.

"Oleh itu, syabas diucapkan kepada pihak PDC dan terima kasih kepada semua penderma yang telah menyahut seruan bagi mengisi tabung darah di HPP," katanya kepada Buletin Mutiara selepas mengadakan lawatan ke program berkaitan dekat Tingkat 3, Komtar di sini pada 1 September lalu.

Turut serta, Exco Pelancongan dan Ekonomi Kreatif, Yeoh Soon Hin; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng; mantan Pegawai Kewangan Negeri, Dato' Sarul Bahiyah Abu; Pengurus Besar PDC, Dato' Mohd. Bazid Abd. Kahar serta Timbalan Pengurus Besar Kanan PDC, Dato' Ir. Yeoh Lean Huat dan Jamil Ibrahim.



KETUA Menteri bersama-sama Yeoh Soon Hin (kiri sekali) dan Mohd. Bazid Abd. Kahar (dua dari kiri) menyantuni salah seorang penderma darah pada penganjuran Kempen Derma Darah PDC di sini baru-baru ini.



KHAIRUNISA Amalina Mustafa (kiri).

Difahamkan, Kempen Derma Darah PDC selama dua hari berkenaan dianjurkan dengan kerjasama Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota-anggota Kerajaan (MAKSAK), HPP dan Hospital Seberang Jaya.

Dalam pada itu, Mohd. Bazid memberitahu bahawa kempen derma darah yang dianjurkan selama 13 tahun berturut-turut itu merupakan sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporat (CSR) PDC kepada masyarakat.

Tambah beliau, pihaknya berhasrat untuk menganjurkan program tersebut pada tahun-tahun yang akan datang.

"Pada saya, ini merupakan program yang sangat digalakkan kerana selain dapat membantu mereka yang memerlukan darah, ia juga akan merapatkan lagi hubungan kakitangan PDC dengan masyarakat," ujarnya.

Salah seorang penderma, **KHAIRUNISA AMALINA MUSTAFA**, 31, ketika ditemui memberitahu bahawa selain dapat membantu mereka yang memerlukan, amalan derma darah juga dapat membantu beliau mengekalkan kesihatan tubuh badan.

"Ini merupakan kali ke-12 saya menderma darah sejak 2008. Saya sangat gembira kerana dapat membantu orang lain yang memerlukan melalui amalan menderma darah.

"Selain itu, derma darah juga membuatkan badan saya berasa sihat," ulasnya yang bekerja sebagai Pegawai Penguatkuasa di Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Batu Uban.

# Pelan Induk Pelancongan Negeri usaha agresif semarak pelancongan domestik

**GEORGE TOWN -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow melancarkan Pelan Induk Pelancongan Negeri (PTMP) dengan memberi tumpuan kepada usaha-usaha agresif membawa seramai mungkin pelancong domestik ke Pulau Pinang.

Beliau berharap pelan baharu tersebut akan mempercepatkan lagi proses pemulihan sektor-sektor berkaitan industri pelancongan negeri yang terjejas teruk sejak pandemik COVID-19 pada bulan Disember tahun lepas.

"Pelan induk ini bukan hanya untuk Kerajaan Negeri, kita (Pulau Pinang) perlu berbelanja untuk (menjana) pertumbuhan sektor-sektor yang lain juga.

"Maka, ia (PTMP) adalah untuk semua pemegang taruh, semua penggerak industri.

"Saya fikir proses selanjutnya adalah untuk bertemu dengan semua pihak berkepentingan supaya mereka boleh mengambil bahagian untuk merebut peluang ini.

"Justeru, tiap-tiap sektor berkenaan perlu melihat juga kedudukan mereka sendiri (berdasarkan pelan induk pelancongan ini dan bagaimana untuk saling bekerjasama (dengan Kerajaan Negeri serta agensi-agensi negeri)," jelasnya sejurus Sesi Dialog Awam dan Pelancaran PTMP di sini pada 12 September 2020.

Turut serta, Exco Pelancongan dan Ekonomi Kreatif, Yeow Soon Hin dan Ketua Pegawai Eksekutif Penang Global Tourism (PGT), Ooi Chok Yan.

Selepas sesi dialog awam berkaitan, menurut Kon Yeow, Exco bertanggungjawab bersama-sama pasukannya bakal membawa pelan induk tersebut untuk dibincangkan dengan para pemegang taruh lain.

Sebelum itu, Kon Yeow diiringi Soon Hin menyertai sesi pembentangan PTMP yang disampaikan oleh wakil firma konsultan, YZD Planning and Consult., Prof. Dr. Badaruddin Mohamed.

Badaruddin memberitahu bahawa Pulau Pinang pada tahun 2019 menerima kira-kira 9.48 juta, iaitu 52 peratus adalah pelancong asing dan pelancong domestik (48 peratus).

Tambah beliau, 77.2 peratus pelancong domestik lebih daripada sekali berkunjung ke negeri ini, berbanding pelancong asing 20.3 peratus.

Namun, ulas Badaruddin, pandemik COVID-19 yang di luar jangkaan semua pihak telah mengakibatkan jumlah pelancong ke negeri ini menguncup lebih 80 peratus.

"Justeru, menerusi PTMP, mencadangkan langkah-langkah kempen menyemarakkan lagi pelancongan domestik sedia ada di tanah air ini dalam menjadikan negeri Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan pilihan utama mereka," jelasnya.




Oleh: **AZMI HUSSIN**

# PBAHB umum imbuhan dividen bagi tahun ke-19




KETUA Menteri bersama-sama Ir. Jaseni Maidinsa (dua dari kiri) dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri meneliti laporan tahunan PBAHB sejurus AGM Ke-20 syarikat berkaitan di sini baru-baru ini.

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**PANTAI JEREJAK –** PBA Holdings Bhd. (PBAHB) meluluskan pembayaran dividen akhir satu peringkat sebanyak 1.75 sen sesaham untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019.

Perkara tersebut diumumkan Ketua Menteri yang juga Pengerusi PBAHB, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow sejurus Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) Ke-20 pada 8 September lalu.

"Melalui kelulusan dividen akhir ini, PBAHB memberi ganjaran kepada para pemegang sahamnya dengan dividen satu peringkat bersih yang dicadang serta diisytiharkan sebanyak 3.50 sen untuk tahun kewangan 2019.

"Yang mana, awal tahun ini iaitu pada 10 Januari 2020, syarikat telahpun membayar dividen interim pertama satu peringkat sebanyak 1.75 sen sesaham bagi tahun kewangan 2019 dan ini (tahun 2020) merupakan tahun ke-19 berturut-turut PBAHB membayar dividen kepada para pemegang saham," ujarnya pada sidang media di sini.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif PBAHB dan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP), Dato' Ir. Jaseni Maidinsa, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy dan Exco Infrastruktur dan Pengangkutan, Zairil Khir Johari.

PBAHB adalah sebuah syarikat pegangan bagi Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. (PBAPP), pengendali air berlesen bagi Pulau Pinang.

Mengulas lanjut mengenai perkara tersebut, Jaseni memaklumkan bahawa pada tahun dikaji, PBAHB mencatatkan jumlah perolehan serta pendapatan operasi lain berjumlah RM363.14 juta.

"Keuntungan selepas cukai (PAT) mencatatkan RM25.15 juta untuk tahun 2019.

"PAT PBAHB ini dicapai tanpa semakan semula tarif air di Pulau Pinang pada tahun 2019," jelasnya.

# RKK Bukit Bendera, maklum balas sehingga akhir tahun

**GEORGE TOWN –** Sesi pendengaran awam bagi draf Rancangan Kawasan Khas (RKK) Bukit Bendera (Penggantian) yang sepatutnya diadakan pada September 2020 ditangguhkan ke bulan Oktober.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berkata bahawa sesi pendengaran awam bertujuan mendapatkan maklum balas umum sebelum ini yang dijadualkan selama dua bulan turut dilanjutkan kepada tiga bulan.

"Pelanjutan tempoh ini bermakna kita membuka peluang kepada masyarakat untuk memberi maklum balas bagi RKK Bukit Bendera (Penggantian) sehingga hujung tahun iaitu Disember 2020 berbanding sebelum ini.

"Selepas sesi pendengaran awam itu selesai, draf akan dihantar ke jawatankuasa perancangan negeri pada awal tahun hadapan untuk kelulusan.

"Pastinya, pihak kami berharap draf ini dapat dibentangkan dalam mesyuarat Exco pada bulan Februari tahun hadapan (2021)," ujarnya ketika menyampaikan ucaptama pada Sesi Focus Group Discussion (FGD) Ke-2 RKK Bukit Bendera (Penggantian) di sini 25 Ogos lalu.

Menurut Jagdeep, draf RKK Bukit Bendera (Penggantian) berkaitan akan



JAGDEEP Singh Deo.

turut merangkumi langkah-langkah pencegahan penularan pandemik COVID-19.

"Sangat mustahak untuk mempertimbangkan faktor-faktor penularan pandemik COVID-19 ketika merancang RKK ini kerana kita tidak akan tahu bila ia berakhir.

"Kita perlu serius dalam melihat situasi yang kita hadapi kini dan mengubah perspektif kerana segala-galanya di sekeliling kita berlaku perubahan drastik tanpa kita ramalkan," katanya.

Mengulas mengenai cadangan projek kereta kabel, Jagdeep memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri akan mencari alternatif bagi meneruskan projek berkaitan.

"Walaupun selepas Kerajaan Persekutuan menarik balik dana RM100 juta yang diluluskan untuk pelaksanaan projek tersebut, kita (Kerajaan Negeri) akan melihat beberapa pilihan sumber dana bagi meneruskan projek kereta kabel Bukit Bendera.

Dalam pada itu, Pengurus Besar Perbadanan Bukit Bendera (PHC), Dato' Cheok Lay Leng ketika ditemui memberitahu bahawa RKK Bukit Bendera yang digazetkan pada 2016 perlu dipinda kerana terdapat peningkatan sempadan serta isu penyelenggaraan cerun.

"Kami (PHC) ingin memperketatkan beberapa elemen yang terkandung dalam RKK ini agar pembangunan mampan dan lestari dapat dilaksanakan dan bukit-bukit dilindungi.

"RKK Bukit Bendera asalnya meliputi keluasan 468 hektar dan selepas semakan semula draf mendapati peningkatan sempadan berlaku yang mana kini melibatkan keluasan 742 hektar," jelasnya.

Lebih 50 wakil daripada pelbagai agensi dan jabatan negeri serta Persekutuan hadir pada sesi tersebut.

# Projek infrastruktur, harap Putrajaya saling berbincang

**PADANG LALANG -** Isu penarafan perkhidmatan Rapid Ferry Sdn. Bhd. termasuk kelulusan peruntukan Persekutuan sebanyak RM30 juta untuk pembelian feri baharu merupakan antara tiga isu utama berkaitan kepentingan rakyat Pulau Pinang yang dibincangkan dalam mesyuarat bersama-sama Menteri Pengangkutan di ibu negara pada 27 Ogos lalu.

Dua isu utama lain, menurut Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow, adalah mengenai projek penarafan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PIA) dan status permohonan projek pembinaan transit aliran ringan (LRT) George Town ke Bayan Lepas.

Beliau menyatakan bahawa Putrajaya memutuskan untuk menangguhkan semua cadangan projek pembesaran lapangan terbang serta pembinaan projek lapangan terbang baharu sehingga kajian strategik yang dilaksanakan siap sepenuhnya.

"Tetapi dalam mesyuarat itu, saya mengulangi supaya kita (Pulau Pinang) dikeluarkan daripada kajian (strategik) ini memandangkan kita (Pulau Pinang) memang sudah memulakan kerja-kerja dua tiga tahun sebelum ini dan bersedia untuk melaksanakan (cadangan projek pembesaran PIA)," jelasnya sejurus merasmikan Majlis Sambutan Hari Kemerdekaan Dan Kibarkan Jalur Gemilang dekat Rumah Pangsa Desa Wawasan di sini pada 29 Ogos 2020.

Di samping itu, Kon Yeow berkata bahawa pentadbirannya mengambil maklum mengenai rancangan Penang Port Sdn. Bhd. untuk mengambil alih keseluruhan operasi perkhidmatan feri dengan kelulusan peruntukan Persekutuan sebanyak RM30 juta untuk pembelian feri baharu.

"Operasi feri kini memberi perkhidmatan kepada pejalan kaki, penunggang motosikal serta basikal dan pemandu kereta serta lori kecil.

"Kita minta (Kementerian Pengangkutan) kaji dan dikekalkan semua jenis perkhidmatan ini memandangkan ia masih merupakan pengangkutan awam yang penting.

"Pihak Kementerian akan membuat pelan yang menyeluruh dan bentangkan kepada Kerajaan Negeri, sebelum satu keputusan dibuat.

"Tetapi tempoh kajian itu ringkas sahaja sebab Kerajaan Persekutuan memang mahu meningkatkan mutu perkhidmatan feri dengan apa yang diputuskan sebelum itu," ulasnya yang juga Exco Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi.

Selain itu, Kon Yeow memberitahu bahawa cadangan pembinaan LRT di Pulau Pinang masih dalam perhatian kedua-dua pihak iaitu Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan.

"Apabila semua isu teknikal dibereskan, maka kita (Kerajaan Negeri) minta Kementerian menimbang untuk memberikan kelulusan pada skim rel LRT dari Komtar ke Bayan Lepas.

"Jadi, kita (rakyat Pulau Pinang) mahu Kerajaan Persekutuan sebelum mengumumkan apa-apa keputusan, perlu saling berbincang dengan Kerajaan Negeri terlebih dahulu, beri masa untuk kita (Kerajaan Negeri meneliti serta memberi maklum balas, bukan tiba-tiba buat keputusan)," ujarnya yang juga Ahli Parlimen Tanjong merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota.

Exco Pembangunan Sosial dan Hal Ehwal Bukan Islam, Chong Eng yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Lalang; Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo; ADUN Machang Bubuk, Lee Khai Loon dan Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Steven Sim Chee Kheong turut sertai sidang media tersebut.

# PWSI 2050 demi permintaan air mentah masa depan

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**

**PANTAI JEREJAK –** Bagi memenuhi permintaan air mentah masa hadapan, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) bakal melaksanakan pelan tindakan kontingensi Inisiatif Bekalan Air Pulau Pinang 2050 (PWSI 2050).

Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP, Dato' Ir. Jaseni Maidinsa berkata bahawa PWSI 2050 bakal menggariskan tiga pelan kontingensi bagi mengurangkan risiko air mentah yang bakal dihadapi negeri.

Menurut beliau, pelan kontingensi berkenaan adalah perlu ekoran perubahan iklim telah mengubah corak hujan di Pulau Pinang; jangkaan bekalan air mentah dari Sungai Muda hanya dapat memenuhi keperluan sehingga tahun 2025 dan rundingan Skim Penyaluran Air Mentah Sungai Perak (SPRWTS) kini masih menemui jalan buntu.

"Tiga pelan kontingensi yang digariskan adalah pembinaan modul rawatan air 114 MLD (juta liter sehari) baharu di Pakej 12A Loji Rawatan Air Sungai Dua; Skim Bekalan Air Sungai Perai (SPWSS) dan Fasa 1 Skim Penyahgaraman Bekalan Air Pulau Pinang (PDWSS).

"Bagi SPWSS, potensi hasil dijangka mencecah 136 MLD yang mana skim ini akan memanfaatkan Sungai Perai sebagai sumber air mentah tambahan untuk Pulau Pinang.

"Kajian kejuteraan sebelum ini menunjukkan bahawa air mentah dari sungai ini mungkin tidak selamat dirawat dengan menggunakan teknologi (rawatan air) konvensional, oleh itu SPWSS akan meneroka kemungkinan menggunakan teknologi rawatan air alternatif untuk 'merawat' air mentah daripada sungai berkaitan.



IR. Jaseni Maidinsa.

"Manakala, Fasa 1 PDWSS (250 MLD) adalah cadangan pembinaan kemudahan penyahgaraman air laut di kawasan selatan Pulau Pinang, tujuannya adalah untuk menangani peningkatan keperluan bekalan air di Balik Pulau serta untuk Projek Tambakan Laut Selatan Pulau Pulau Pinang (PSR) menjelang tahun 2030.

"Fasa 1 bagi projek ini dijadualkan beroperasi pada Disember 2024 dan fasa-fasa berikutnya bakal dilaksanakan sehingga 2050 memandangkan Pulau Pinang dikelilingi oleh laut," ujarnya pada sidang media selepas Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) Ke-20 PBA Holdings Bhd. (PBAHB) di sini 8 September lalu.

Turut serta, Ketua Menteri merangkap Pengerusi PBAHB, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow, Prof. Dr. P. Ramasamy (Timbalan Ketua Menteri II) dan Zairil Khir Johari (Exco Infrastruktur dan Pengangkutan).

Mengulas lanjut, Jaseni menyatakan bahawa dalam memastikan projek PWSI 2050 mencapai objektifnya, PBAPP melalui perunding kejuruteraan bebas sedang melaksanakan kajian kebolehlaksanaan terhadap projek berkaitan dan dijadualkan selesai pada Januari 2021.

Tambah beliau, semua aspek projek termasuk anggaran, masa, tender awam dan dasar pelaksanaan adalah tertakluk kepada persetujuan oleh Kerajaan Negeri terlebih dahulu.

"Pelaksanaan PWSI 2050 tidak akan menjejaskan pelaksanaan SPRWTS oleh Kerajaan Persekutuan, abstraksi air mentah dari Sungai Muda serta pemuliharaan 160,000 hektar hutan hujan Ulu Muda.

"Objektif utama PWSI 2050 adalah untuk memperkenalkan projek bekalan air tambahan yang akan membantu kita memenuhi permintaan air untuk masa hadapan.

"Bagi jangka panjang, Pulau Pinang masih memerlukan SPRWTS air mentah dari Sungai Muda dan pemuliharaan Ulu Muda untuk memastikan keselamatan air mentah menjelang 2050," ulasnya.

# Lima keluarga terima rumah baharu

**SUNGAI PINANG –** Penantian lima keluarga dari Kampung Pisang Awak untuk memiliki kediaman sendiri berakhir apabila kesemua mereka mendapat kunci rumah masing-masing di Desa Pinang Dua di sini.

Perkhabaran gembira tersebut merupakan hasil usaha bersama antara Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim dan pihak pemaju, JKP Sdn. Bhd. (JKPSB) serta IJM Land.

Bagi salah seorang penerima, **YEOH SIEW CHOO**, 62, beliau amat bersyukur kerana penantian selama enam tahun akhirnya menemui jalan penyelesaian menang-menang.

"Saya sangat gembira dan berterima kasih kepada semua pihak, tetapi sedikit sedih kerana suami pun sudah meninggal baru dapat duduk di rumah sendiri.

"Sekarang saya akan berpindah ke rumah baharu di Desa Pinang Dua bersama-sama empat anak perempuan dan memulakan kehidupan baru di sana," ujarnya kepada Buletin Mutiara pada Majlis Penyerahan Kunci Rumah di Pusat Khidmat Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Pinang yang turut dihadiri Siew Khim pada 4 September lalu.

Hadir sama, Ahli Parlimen Jelutong, R.S.N. Rayer dan Pengurus Besar Kanan IJM Land Wilayah Utara, Datuk Toh Chin Leong.

Bercakap kepada pemberita, Siew Khim memaklumkan bahawa setinggan di kampung berkenaan mengalami proses pengambilan tanah oleh JKPSB bagi tujuan pembangunan.

"(Pemberian) pampasan ini adalah hasil pembelian unit rumah oleh JKPSB daripada IJM Land berikutan ada lima unit kekosongan di Desa Pinang Dua milik pemaju berkenaan (IJM Land), jadi mereka (lima keluarga) ini ditawarkan pampasan di lokasi berkaitan.

"Saya berterima kasih kepada JKPSB dan IJM kerana walaupun projek ini tergendala, JKPSB membayar sewa kepada mereka yang terlibat apabila notis untuk pembinaan dua bangunan perumahan kos rendah serta kos sederhana rendah dikeluarkan.

"Malangnya, projek tersebut terpaksa dirobohkan dan akan memakan masa untuk pembinaan semula, jadi kita tidak mahu mereka tertunggu-tunggu. Pada masa sama, terdapat lima unit kediaman daripada IJM dan JKPSB berikan pampasan ini secara percuma kepada mereka," jelansya.

Difahamkan, sebanyak 13 keluarga yang terlibat dan baki daripada lima keluarga tersebut memilih untuk menerima pampasan tunai.



LIM Siew Khim.

Dalam pada itu, wakil JKPSB memberitahu bahawa pihak JKPSB kini belum menyatakan pelan baharu bagi pembangunan di Kampung Pisang Awak setelah projek tersebut dirobohkan baru-baru ini.

# Keselamatan sumber air, gazet zon penampan 30m dua sisi sungai strategik

**PANTAI JEREJAK –** Semua negeri disyor untuk mengazetkan zon penampan 30 meter (m) atau bersamaan 100 kaki di kedua-dua sisi sungai strategik yang menjadi sumber utama bekalan air pengguna.

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP), Dato' Ir. Jaseni Maidinsa berkata bahawa usaha itu adalah bagi mengelakkan kawasan tersebut daripada diceroboh dan kejadian pencemaran air sungai seperti di Selangor berulang.

Menurut beliau, di peringkat negeri, PBAPP telah mempraktikkannya sejak tahun 2008 yang mana 30m zon penampan ditetapkan di sepanjang 14 kilometer (km) terusan Sungai Dua, iaitu air yang diekstrak PBAPP akan disalurkan ke Loji Rawatan Air Sungai Dua.

"Di Pulau Pinang, apa yang kita lakukan adalah pastikan kedua-dua sisi sungai 'strategik' mempunyai zon penampan 30m, tidak ada sebarang pembangunan, termasuk rumah ataupun kilang dibenar untuk didirikan dalam jarak tersebut.

"Malah, dalam memastikan kawasan berkenaan sentiasa dalam pengawasan, PBAPP juga menempatkan polis bantuan untuk membuat rondaan 24/7 (24 jam tujuh hari seminggu)," ujarnya sebagai respons kepada pertanyaan pemberita berhubung langkah keselamatan yang diterapkan PBAPP dalam memastikan kejadian kes pencemaran sungai seperti di Selangor tidak berlaku di negeri ini.

Hadir sama, Ketua Menteri yang juga merupakan Pengerusi PBA Holdings Bhd., Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow; Prof. Dr. P. Ramasamy (Timbalan Ketua Menteri II) dan Zairil Khir Johari (Exco Infrastruktur dan Pengangkutan).

Merujuk kepada kes pencemaran air Sungai Gong di Rawang yang melibatkan kilang haram, Jaseni dalam responsnya memberitahu bahawa semua peruntukan undang-undang sedia ada di peringkat pihak berkuasa tempatan (PBT) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) adalah mencukupi untuk dikenakan tindakan sejak awal.

"Kebanyakan isu yang dibangkitkan adalah undang-undang sedia ada yang tidak cukup ketat, sebenarnya ia bukan relevan kerana undang-undang sedia termaktub lebih daripada cukup untuk mencegah perkara ini daripada berlaku.

"Contohnya, di peringkat PBT mereka mempunyai undang-undang dan kuasa untuk mencegah kilang haram dibina di dalam kawasan zon penampan… difahamkan kilang berkenaan telah menerima satu notis daripada PBT bertanggungjawab pada tahun 2014.

"Seharusnya apabila wujud kilang haram, ia perlu dirobohkan serta-merta bukan hanya sekadar isu kompaun… dan jika ia diluluskan (didirikan) sebelumnya, maka perlu diubah ke kawasan yang lebih sesuai.

"Pihak bertanggungjawab seperti JAS juga seharusnya melakukan pemantauan, dua jabatan ini sudah mencukupi untuk menguatkuasakan undang-undang sedia ada dengan lebih ketat," responsnya.

# Jambatan baharu rentangi Sungai Teluk Bahang

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**TELUK BAHANG** – Inisiatif menggantikan sebuah jambatan baharu merentangi Sungai Teluk Bahang dekat Jalan Kampung Nelayan merupakan langkah proaktif Kerajaan Negeri dalam menangani masalah banjir di sini.

Exco Infrastruktur dan Pengangkutan, Zairil Khir Johari berkata bahawa projek penggantian tersebut menelan belanja sebanyak RM1.15 juta dalam usaha menyelesaikan masalah banjir dihadapi di Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) berkaitan sejak 2016.

"Projek ini melibatkan penambahbaikan struktur jambatan sedia ada dengan menggunakan *'fully single-span bridge'* dan tidak melibatkan sebarang pengambilan tanah.

"Peruntukan asal untuk projek ini sebenarnya adalah RM3.78 juta (harga siling), namun membabitkan penjimatan sebanyak RM2.63 juta menjadikan kosnya adalah berjumlah RM1.15 juta.

"Walaupun kos yang ditanggung untuk projek ini tinggi, Kerajaan Negeri sanggup membiayainya demi keselesaan serta keselamatan masyarakat di sini," ujarnya yang turut menzahirkan penghargaan kepada Jabatan Kerja Raya (JKR) Pulau Pinang kerana berjaya menyiapkan projek berkaitan 31 hari lebih awal daripada jadual asal.

Zairil yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjung Bunga sebelum itu menyempurnakan Majlis Penyerahan Projek Pembinaan Jambatan Baru Menggantikan Jambatan Lama dekat Jalan Kampung Nelayan di sini pada 1 September 2020.

Hadir sama, Exco Perdagangan Industri dan Pembangunan Keusahawanan, Dato' Abdul Halim Hussain; Pengarah JKR Pulau Pinang, Ir. Roslan Ismail dan Jurutera Daerah JKR bagi Daerah Barat Daya, Wan Eika Tansukasih Che Daud.



**ZAIRIL Khir Johari (tengah) dan Abdul Halim Hussain (empat dari kiri) meninjau jambatan baru yang telah siap dibina pada Majlis Penyerahan Projek Pembinaan Jambatan Baru Menggantikan Jambatan Lama dekat Jalan Kampung Nelayan di sini baru-baru ini.**

Dalam perkembangan sama, Zairil berharap projek tersebut juga dapat membantu menaikkan imej Kampung Nelayan yang merupakan salah satu kawasan tumpuan pelancong.

Tambah beliau, Kerajaan Negeri kini giat merangka projek Fasa 2 mitigasi banjir juga di kawasan tersebut melalui projek jambatan baharu menggantikan pembentung kotak di Jalan Hassan Abas.

"Kita menjangkakan projek tersebut akan bermula pada suku pertama tahun 2021 yang mana dana sebanyak RM3.78 juta telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri.

"Kini projek yang dirancang itu berada dalam fasa reka bentuk," katanya.

## 10 lif Mutiara Height dinaik taraf

Gambar : **CHAN KOK KUAN**

**SUNGAI PINANG** – Penantian penduduk rumah pangsa swasta, Mutiara Height Apartment *(Mutiara Height)* selama kira-kira empat tahun bakal berakhir tidak lama lagi apabila Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo mengumumkan projek pembaikan semua 10 unit lif di sini.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat menyatakan bahawa keseluruhan kos bagi projek penarafan tersebut adalah RM310,000 dengan RM248,000 atau 80 peratus kos akan dibiayai oleh Kerajaan Negeri melalui Tabung Penyelenggaraan Maksimum 80 Peratus Pulau Pinang (TPM80PP).

Manakala, 'ejen pengurusan sementara' bagi badan pengurusan bersama (JMB) penduduk pula akan menanggung baki RM62,000 atau 20 peratus daripada keseluruhan kos projek tersebut.

"Ia mungkin kerja-kerja penambahbaikan lif paling besar.

"Saya mengharapkan komitmen semua penduduk agar dapat memberikan kerjasama antara satu sama lain serta menjaga segala kemudahan terutama lif yang sedang dibaik pulih ini," ujarnya pada sidang media pada 6 September 2020.

ADUN Sungai Pinang, Lim Siew Khim; Ahli Parlimen Jelutong, R.S.N. Rayer; wakil Bahagian Perumahan Negeri; Pengerusi Persatuan Penduduk Mutiara Height Pulau Pinang, Muhd. Arshad Abd. Rahman dan ejen-ejen pengurusan sementara JMB turut serta.

Dalam perkembangan sama, Jagdeep memberitahu bahawa Kerajaan Negeri sejak tahun 2008 hingga bulan September 2020 telah membelanjakan hampir RM256.86 juta bagi projek-projek penyelenggaraan perumahan awam dan swasta di Pulau Pinang.

Dalam pada itu, Muhd. Arshad menyatakan bahawa projek penarafan tersebut akan membawa faedah kepada penduduk di 1,075 unit rumah strata di kedua-dua blok A dan B setinggi 29 tingkat.

Dalam perkembangan lain, Jagdeep berkata bahawa sasaran pembekalan 180,000 unit rumah mampu milik (RMM) mungkin akan dipertingkatkan lagi demi merangsang pertumbuhan ekonomi rakyat yang terjejas teruk dek pandemik COVID-19 baru-baru ini.

"Dengan keadaan semasa (pandemik COVID-19), kalau dipertingkatkan jumlah pembekalan rumah kos rendah dan sederhana rendah, ia adalah amat dialu-alukan kerana kalau pemaju serta pihak berkepentingan ingin menjual rumah berharga RM1 juta sekarang, pasaran adalah amat sukar.

"Jadi, saya telah berbincang dengan Kerajaan (Negeri) serta Ketua Menteri dan beliau telah bersetuju, justeru saya sedang merangka suatu perancangan baharu," ulasnya sambil menganggap sektor perumahan mampu merangsangkan lagi kuasa membeli rakyat di Pulau Pinang.



**JAGDEEP Singh Deo (enam dari kiri) bersama-sama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri menyaksikan majlis penyerahan dokumen berkaitan projek pembaikan 10 unit lif Mutiara Height di sini baru-baru ini.**

## Mahkamah Keluarga tangani kes keganasan rumah tangga

**GEORGE TOWN -** Putrajaya digesa mempertimbang cadangan untuk mewujudkan Mahkamah Keluarga walaupun telah ada pelbagai undang-undang berkaitan, demi mempercepatkan lagi proses pembelaan terhadap wanita serta kanak-kanak yang menjadi mangsa dalam isu keganasan rumah tangga.

Exco Pembangunan Sosial dan Hal Ehwal Bukan Islam, Chong Eng berkata demikian selepas mengadakan perbincangan tertutup dengan empat pertubuhan bukan kerajaan (NGO) berhubung isu keganasan rumah tangga yang direkodkan di negeri ini sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac lepas.

Pada majlis sama, beliau turut menyerahkan RM20,000 sumbangan Kerajaan Negeri kepada *Women Centre for Change* (WCC); RM15,000 kepada *Home Dynamics* dan RM10,000 masing-masing kepada Persatuan Kebajikan Sneham Malaysia dan *Young Women's Christian Association* (YWCA).

"Pada 24 April 2020 (iaitu ketika PKP), Kerajaan Negeri telah mengumumkan sokongan kita kepada NGO yang menyediakan khidmat bantuan serta sistem sokongan kepada mangsa-mangsa keganasan rumah tangga, dengan peruntukan (keseluruhan) sebanyak RM100,000 kepada NGO berkaitan yang memohon.

"Ketika pandemik COVID-19 dan PKP, kita (Kerajaan Negeri) mendapati begitu banyak isu dan laporan berita mengenai peningkatan kes keganasan rumah tangga.

"(Pendekatan kaunseling) dilakukan untuk mengubah tabiat mereka (yang melakukan keganasan rumah tangga), tetapi selepas itu, mereka (pemangsa) melakukan lagi keganasan terhadap anggota keluarga.

"Justeru, Mahkamah Keluarga diperlukan untuk menangani permasalahan ini sebagai satu sistem sokongan yang mendamaikan.

"Telah lama kita bercakap mengenai keperluan terhadap Mahkamah Keluarga ini...justeru, saya fikir Kerajaan Persekutuan seharusnya ada tindakan yang serius," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Lalang sejurus majlis berkaitan di sini 25 Ogos 2020.

ADUN Sungai Pinang, Lim Siew Khim dan ADUN Seri Delima, Syerleena Abdul Rashid turut menyertai perbicangan tertutup Chong Eng dengan empat wakil NGO berkenaan.

Sebelum itu, Pengarah Program WCC, Karen Lai Yu Lee memberitahu bahawa 80 peratus aduan berkaitan keganasan rumah tangga yang diterima sejak pelaksanaan PKP baru-baru ini adalah melibatkan wanita.

Justeru, menurut beliau, sistem sokongan sedia ada untuk melindungi wanita dan anak-anak daripada menjadi mangsa keganasan rumah tangga wajar diperluaskan dengan penglibatan NGO, Kerajaan Negeri hatta Kerajaan Persekutuan.

"Sejak Januari hingga Jun 2020 sahaja, kami (WCC) telah menerima panggilan daripada kira-kira 600 pengadu (dari seluruh negara), kebanyakannya adalah mereka yang menjadi mangsa keganasan rumah tangga...(mangsa) dalam lingkungan umur 30 hingga 39 tahun," ulasnya.

Di samping itu, Yu Lee turut memberi respons terhadap cadangan Chong Eng supaya Putrajaya mempertimbangkan untuk mewujudkan 'Mahkamah Keluarga'.

"Mahkamah Sivil memang telah ada seksyen khas untuk (tuntutan) penceraian dan sebagainya, (namun) apa yang saya ingin nyatakan bahawa kes-kes keganasan rumah tangga adalah agak rumit kerana melibatkan dinamik keluarga, dan, ini sesuatu yang seharusnya dipertimbangkan oleh mahkamah apabila membuat sebarang keputusan.

"Kalau kita nak tengok (perbicaraan) kes keluarga, kita perlu melihat pendekatan yang menyeluruh kes keluarga, kadang-kadang ada banyak faktor yang terlibat daripada segi apa yang mempengaruhi keganasan (rumah tangga) yang berlaku.

"Kadang-kadang kita berfikir sesorang itu masuk penjara, mangsa telah mendapat keadilan dan masalah (keganasan rumah tangga) telah selesai, tapi sedih sekiranya yang masuk penjara itu bukan penjenayah sebenarnya tetapi adalah seorang (bergelar) bapa," katanya sambil memberitahu bahawa pelbagai aspek perlu diteliti lagi berhubung cadangan mewujudkan 'Mahkamah Keluarga'.

Pengasas dan Presiden Persatuan Kebajikan Sneham Malaysia, Datuk Dr. Florance Sinniah turut memberi respons berhubung cadangan berkenaan.

"Ia adalah cadangan yang baik, sekarang ini apabila ada kes keganasan rumah tangga, kita anggap ia adalah isu jenayah.

"Pastikan, kalau wanita yang menjadi mangsa itu dipukul oleh suaminya, (pemangsa) mendapat hukuman.

"Sebagai NGO yang mempromosi kesihatan mental, mesti ada sebab terjadinya keganasan rumah tangga, kita akan cuba menyelamatkan rumah tangga (yang terlibat dalam keganasan rumah tangga) termasuk tuntutan cerai, dan selepas itu kena ada sempadan seperti tidak boleh lagi diganggu bekas isteri.

"Jadi, sekarang ini, semua itu seakan-akan tiada...ada langkah-langkah kaunseling untuk menyelamatkan institusi kekeluargaan belum begitu meluas lagi walaupun JKM (Jabatan Kebajikan Masyarakat) telah cuba sehabis baik dalam menangani kes keganasan rumah tangga," ujarnya.

# Projek Tebatan Banjir Sungai Air Terjun dilaksana secara mampan dan mesra alam

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**

**KEBUN BUNGA** – Pelaksanaan projek tebatan banjir dan pemuliharaan sungai di Sungai Air Terjun dilaksanakan secara mampan dengan menggunakan kaedah *green solution* atau mesra alam, tegas Exco Infrastruktur dan Pengangkutan, Zairil Khir Johari.

Menurut beliau, kaedah lapisan *riprap* (batu-batuan) sepanjang tebing merupakan pendekatan terbaik untuk dilaksanakan selepas Jabatan Pengairan dan Saliran Pulau Pinang (JPSPP) mengambil kira faktor-faktor geologi tebing di kawasan tersebut.

“Sebagai makluman, pengukuhan tebing dengan menggunakan kaedah *riprap* adalah kaedah mesra alam, dan ia bukanlah *grey solution* yang menggunakan konkrit.

“*Riprap* adalah kaedah paling sesuai dengan keadaan sungai berliku, tambahan pula batu-batuan yang diguna pakai untuk melakukan *riprap* tersebut merupakan bahan semula jadi dan selari dengan persekitaran Taman Botani.

“Kaedah *(riprap)* ini telah terbukti berjaya dilaksanakan di kawasan Sungai Ara, yang mana kita menjangkakan selepas siap kerja penaiktarafan tersebut, lapisan *riprap* berkenaan akan dilitupi dengan rumput serta pokok renek yang menjalar sekaligus mencantikkan tebing secara semula jadi,” ujarnya yang juga merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjung Bunga pada sidang media di sini 25 Ogos lalu.

Hadir sama, Jurutera Daerah JPSPP bagi Daerah Timur Laut, Noortilawati Osman.

Terdahulu, terdapat aduan berbangkit berhubung pelaksanaan projek tebatan banjir berkenaan yang didakwa akan merosakkan khazanah semula jadi di kawasan tersebut selain bakal meningkatkan risiko hakisan tanah dekat kawasan tebing sungai serta banjir di kawasan hilir.

Malah, pihak berkenaan juga mempersoalkan libat urus bersama-sama pihak-pihak berkepentingan serta kaedah pengorekan yang dilakukan.

Mengulas lanjut berhubung dakwaan tersebut, Zairil menjelaskan bahawa projek yang dilaksanakan pada tahun ini merupakan fasa dua, dan ia adalah sambungan daripada projek fasa satu yang telah siap pada Disember 2019 bagi mengurangkan risiko banjir dengan meningkatkan isi padu simpanan air sungai.

“Pertama sekali, kerja-kerja ini bertujuan untuk mengurangkan risiko banjir di hilir Sungai Air Terjun dan Sungai Pinang memandangkan sungai sepanjang 5.38km (kilometer) ini merupakan cabang anak sungai yang bersambung terus ke Sungai Pinang.



**ZAIRIL Khir Johari (bertali leher) ketika mengadakan lawatan tapak ke Sungai Air Terjun di sini baru-baru ini.**

“Skop kerja adalah termasuk pengorekan dasar sungai sedalam 0.6m (meter), pelebaran sungai mengikut lebar asal serta pengukuhan tebing sungai dengan menggunakan kaedah *riprap*.

“Manakala, skop projek pada fasa pertama tahun lalu adalah merangkumi pembinaan *weir* di Sungai Air Terjun, pengukuhan tebing, pelebaran serta pendalaman sungai.

"Didapati bahawa selepas pelaksanaan kerja-kerja ini, keamatan banjir di kawasan terbabit telah berkurangan,” ulasnya sambil menyifatkan tuduhan yang dilemparkan pihak berkaitan sebagai tidak berasas.

Mengikut jadual, penaiktarafan fasa dua melibatkan 400m tersebut telah siap sepenuhnya pertengahan September 2020 dengan kerja-kerja di tapak telah menjangkaui 75 peratus.

# Sasar 500,000 lestari ekonomi digital

**GEORGE TOWN** – Exco Perdagangan Industri dan Pembangunan Keusahawanan, Dato’ Abdul Halim Hussain mensasarkan 500,000 daripada warga negeri ini akan mendaftar sebagai ahli koperasi dalam tempoh dua tahun.

Menurut beliau, nisbah penglibatan rakyat negeri ini dalam koperasi didapati masih rendah iaitu 128,481 orang berbanding jumlah rakyat melebihi 1.7 juta orang.

“Salah satu cara untuk menarik lebih ramai orang menjadi ahli koperasi adalah melestarikan ekonomi digital dan dengan ini ia diyakini mampu menarik minat terutamanya golongan muda untuk bergiat dalam koperasi.

“Tumpuan koperasi seperti disebutkan oleh Encik Zakaria (Mat Jusoh) iaitu Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia Pulau Pinang (SKMNPP) umumnya adalah memfokuskan industri asas tani, perladangan, hartanah, pelancongan, kewangan serta pemborongan dan peruncitan.

“Kita percaya dengan ekonomi digital, ia akan menarik lebih ramai penyertaan anak muda,” ujarnya pada sidang media bersempena penganjuran Program Melestarikan Perniagaan Melalui Digital di sini 27 Ogos lalu.

Dalam memperkasakan gerbang digital, beberapa koperasi turut melibatkan perniagaan menerusi pendigitalan iaitu *eBiz Co-op Mart* yang dipelopori SKMNPP. Malah, bagi mencapai sasaran penyertaan rakyat Pulau Pinang dalam koperasi, SKMNPP turut menubuhkan Koperasi Rakyat Pulau Pinang Berhad (KOPIN) sebagai inisiatif khas.

Pada program tersebut, Geran Bantuan Pembangunan bernilai RM85,000 telah disampaikan kepada tiga koperasi manakala RM1.05 juta turut disampaikan melalui Tabung Modal Pusingan.

Zakaria dalam pada itu turut mempelawa koperasi-koperasi di Pulau Pinang untuk memohon geran SKMNPP koperasi yang kini masih berbaki dan sedia untuk digunakan.




**ABDUL Halim Hussain (tengah) menyampaikan sumbangan kepada salah seorang penerima bersempena penganjuran Program Melestarikan Perniagaan Melalui Digital di sini baru-baru ini.**



# Ahli Majlis MBPP baharu dilantik komited

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN** - Tan Seng Keat dan Quah Boon Lim mengangkat sumpah serta ikrar terima jawatan sebagai Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) yang baharu dekat Dewan Bandaraya di sini pada 8 September lalu.

Istiadat tersebut disaksikan Datuk Bandar MBPP, Dato' Ar. Yew Tung Seang dan Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo.

Hadir sama, Setiausaha Bandaraya, Dato' Ir. Addnan Mohd. Razali dan barisan ketua jabatan bagi pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan.

Ketika berucap, Jagdeep memberitahu bahawa tiap-tiap Ahli Majlis diingatkan supaya terus berusaha merealisasikan dasar-dasar pembangunan negeri ketika pelaksanaan prosedur operasi standard (SOP) Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) dengan memberi tumpuan yang lebih kepada aspek keselamatan awam serta keselamatan kesihatan.

"Mungkin kita (Ahli Majlis PBT) sudah biasa (dengan istiadat majlis ikrar dan mengangkat sumpah terima jawatan Ahli Majlis), tetapi kita (MBPP) kena biasakan dengan keadaan yang sedikit berbeza kerana kita (Pulau Pinang) berada dalam normal baharu selepas COVID-19," jelasnya pada majlis berkaitan.

Difahamkan, Seng Keat, 57, pernah dua kali dilantik sebagai Ahli Majlis MBPP bagi tempoh kepimpinan tahun 2011 hingga 2013 dan 2018 hingga 2019. Malah, Boon Lim, 32, adalah muka baharu yang dilantik.

Jagdeep menyatakan bahawa Seng Keat dan Boon Lim dilantik atas pengosongan perjawatan oleh dua Ahli Majlis sebelum ini iaitu Azahari Aris dan Azly Ibrahim.

Dalam pada itu, Seng Keat yang ditemui kemudian memberitahu Buletin Mutiara bahawa ucapan Jagdeep sangat memberi panduan kepadanya dalam melaksanakan tugas sebagai Ahli Majlis bagi tempoh kepimpinan kali yang ketiga ini.

"Sebagaimana disebut oleh Yang Berhormat (Jagdeep) tadi, ucapannya adalah ingatan yang bagus kepada saya, saya akan cuba melakukan khidmat yang terbaik, juga menyokong misi-misi Kerajaan Negeri.

"Sekarang adalah era COVID-19, maka ada begitu banyak SOP mesti dipastikan pelaksanaannya untuk menjamin keselamatan awam dan keselamatan kesihatan," ujarnya.

Nada yang sama turut dikongsikan oleh Boon Lim.

"Saya akan berusaha sebaik mungkin untuk berkhidmat kepada rakyat Pulau Pinang.

"Saya juga akan memberi tumpuan untuk saling bekerjasama dengan MPKK (Majlis Pengurusan Komuniti Kampung) secara lebih erat lagi, untuk meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan PBT," ulasnya.

## 22 acara semarak kesedaran zakat

**SEBERANG JAYA** - Sehingga Disember ini, Zakat Pulau Pinang (ZPP) mengatur 22 acara demi menyemarakkan lagi kesedaran menunaikan kewajipan zakat dalam kalangan umat di negeri ini.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman berkata demikian ketika merasmikan Majlis Pelancaran Bulan-Bulan Zakat Negeri Pulau Pinang dekat Masjid Timah, Kampung Masjid Timah di sini pada 10 September 2020.

"Generasi muda kita perlu dibekalkan dengan kesedaran, ilmu dan nilai.

"Kalau tiada persediaan kesedaran dalam menghadapi cabaran-cabaran pada masa hadapan, besar kemungkinan kita akan tersisih.

"Justeru, menerusi institusi pungutan dan agihan zakat ini (iaitu ZPP), kita berharap umat Islam terutama golongan berpendapatan 40 peratus paling rendah (B40) dapat menikmati sosio kehidupan yang lebih berkualiti," jelasnya yang juga Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) merangkap Pengerusi Lembaga Pengarah ZPP pada majlis berkaitan.

Menurut Ahmad Zakiyuddin, program tahunan ZPP yang mula dianjurkan pada tahun lepas antara lain akan memberi tumpuan kepada usaha pengimarahan masjid serta mereformasi institusi pendidikan Islam.

"Dengan memberi tumpuan kepada dua agenda ini, kita berharap generasi 'khaira ummah' dapat dibangunkan," ujarnya lagi yang juga Exco Hal Ehwal Agama Islam, Koperasi dan Pemerkasaan Komuniti.

Sebelum itu, Ketua Pegawai Eksekutif ZPP, Amran Hazali menyatakan bahawa agensi pengurusan sumber zakat negeri sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan pada pertengahan bulan Mac lepas telah mengagihkan jutaan ringgit bagi membela pelbagai sektor ekonomi umat Islam yang terjejas dek pandemik COVID-19.

Justeru, beliau berkata bahawa kempen kesedaran mengenai kewajipan membayar zakat adalah penting bagi ZPP untuk memastikan sosioekonomi umat pasca PKP dapat dibela lagi.

"Objektif penganjuran program Bulan-Bulan Zakat ini antara lain untuk mempromosi serta menyebarluaskan informasi mengenai kewajipan ibadat zakat.

"Selain itu, ia juga bertujuan untuk meningkatkan kefahaman dan pendedahan mengenai kepentingan sistem pengurusan zakat secara digital," ujarnya.

Mufti Kerajaan Negeri, Sohibus Samahah Dato' Seri Dr. Wan Salim Wan Mohd. Noor; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Betong, Mohd. Tuah Ismail yang juga Ahli Lembaga Pengarah ZPP; Pengarah Tanah dan Galian Negeri, Zulkifli Long; Rektor Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang, Prof. Dr. Mohamed Abdul Hamid; Pengurus Besar Wakaf Pulau Pinang, Ustaz Rosidi Hussain dan Ketua Polis Daerah Seberang Perai Tengah (SPT), Asisten Komisioner Shafee Abd. Samad turut sertai majlis pelancaran tersebut.

Difahamkan, majlis pelancaran portal zakat, penerbitan buku 'Amanah Ummah Dijaga, Hak Asnaf Dibela', Talaqah Zakat, Khutbah Khas Zakat, Pelancaran Projek Peladang Nanas serta beberapa bual bicara menerusi media arus perdana merupakan antara 22 acara yang akan dilangsungkan bermula bulan September 2020.



**AMRAN Hazali (kiri) menyantuni Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman sebelum berlangsungnya Majlis Perasmian Bulan-Bulan Zakat 2020 Pulau Pinang di sini baru-baru ini.**

## PBT 'lapisan kedua' realisasi misi dan visi Kerajaan Negeri

Gambar : **LAW SUUN TING**



**SR. Rozali Mohamud (kiri sekali) dan Setiausaha Bandaraya MBSP, Ir. Rosnani Mahmod (dua dari kiri) beramah-mesra dengan Rohayah Zakaria (dua dari kanan) dan Ngoh Cheng Hai (kanan sekali) sejurus majlis melafazkan ikrar serta mengangkat sumpah terima jawatan Ahli Majlis bagi MBSP di sini baru-baru ini.**

**SEBERANG JAYA** - Rohayah Zakaria dan Ngoh Cheng Hai melafazkan ikrar serta mengangkat sumpah terima jawatan Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) di Menara Bandaraya.

Istiadat tersebut dilangsungkan di hadapan Datuk Bandar MBSP, Dato' Sr. Rozali Mohamud serta disaksikan Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo.

Turut serta, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Dalam, M. Satees dan ADUN Jawi, Jason H'ng Mooi Lye.

Ketika berucap, Rozali memberitahu bahawa pelantikan kedua-dua Ahli Majlis baharu berkenaan adalah berdasarkan Seksyen 10 (1) Akta Kerajaan Tempatan, 1976.

"Saya berharap kedua-dua Ahli Majlis baharu dapat menjalankan tugas, kewajipan dan tanggungjawab selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri dan kehendak Seksyen 10(1) Akta Kerajaan Tempatan, 1976," jelasnya majlis berkaitan di sini pada 3 September 2020.

Serentak itu, Rozali turut merakamkan penghargaan kepada A'ziss Zainal Abidin dan Marshidaliza Marzuki atas khidmat sebagai Ahli Majlis sejak tahun 2018.

Dalam pada itu, Jagdeep menyatakan bahawa MBSP dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) merupakan 'lapisan yang kedua' kerajaan demi meningkatkan kualiti hidup rakyat di negeri ini.

"Kita (di Pulau Pinang) perlu menjayakan semua misi dan visi pada 'lapisan pertama' iaitu Pihak Berkuasa Negeri yang ada tanggungjawab untuk melaksanakan Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020 dan satu lagi adalah Penang2030," ujarnya yang juga ADUN Datuk Keramat.

Dalam perkembangan lain, beliau sekali lagi menegaskan bahawa seluruh Pulau Pinang masih dalam tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) yang baru diumumkan lanjut sehingga 31 Disember 2020.

Justeru, beliau meminta kedua-dua PBT terus melaksanakan langkah pemantauan dan penguatkuasaan berdasarkan prosedur operasi standard (SOP) PKPP meliputi semua sektor ekonomi negeri.

Sementara itu, Rohayah yang juga bekas Penolong Kanan di sebuah sekolah menyatakan bahawa beliau berhasrat untuk meningkatkan infrastruktur trafik terutama melibatkan murid-murid sekolah.

"Saya berminat kepada polisi infrastruktur, bangunan dan juga keselamatan rakyat.

"Saya lihat masih banyak infrastruktur awam yang lama, contohnya pada waktu puncak di sekolah memang memerlukan lebih banyak jejantas, bukan sahaja meningkatkan keselamatan pejalan kaki, juga mengurangkan kesesakan trafik," ulasnya sambil merakamkan penghargaan kerana diberikan peluang untuk berkhidmat sebagai Ahli Majlis.

Manakala, Cheng Hai pula berkata bahawa beliau akan memanfaatkan pengetahuan serta pengalamannya sebagai pegawai kontrak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sebelum ini untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat teramai di Seberang Perai.

"Saya juga masih perlu belajar lagi daripada Ahli-ahli Majlis yang berpengalaman di sini, saya akan cuba untuk ikut dasar serta indeks prestasi utama (KPI) yang ditetapkan oleh pucuk pimpinan Kerajaan Negeri," jelasnya sambil merakamkan penghargaan kepada pemimpin atas pelantikannya sebagai Ahli Majlis MBSP.

# PSR, sedaya-upaya penuhi situasi menang-menang semua pihak

**KERJA-KERJA** Projek Tambakan Laut Selatan Pulau Pulau Pinang (PSR) dijangka akan bermula pada suku pertama tahun 2021.

Ketua Pegawai Eksekutif Penang Infrastructure Corporation Sdn. Bhd. (PICSB), **DATO' SERI FARIZAN DARUS** berkata bahawa kerja-kerja penambakan akan dimulakan dengan Pulau A seluas kira-kira 1,200 ekar terlebih dahulu yang terletak berhampiran Permatang Damar Laut di sini.

"Kerja-kerja tambakan ini dijadual akan dilakukan secara berfasa yang mana pada fasa pertama akan dimulakan dengan penambakan 1,200 ekar, dan ia dijangka mengambil masa sekitar empat tahun untuk selesai.

"Keseluruhan Pulau A seperti yang dicadangkan adalah 2,300 ekar yang mana baki 1,100 ekar (Pulau A) lagi akan dilakukan selepas itu dengan jangkaan Pulau A siap sepenuhnya dalam tempoh sembilan tahun akan datang.

"Dengan kerja-kerja penambakan Pulau A ini, kita menjangkakan ia dapat dijual mulai tahun keempat," ujarnya kepada wartawan Buletin Mutiara, **NORSHAHIDA YUSOFF** dan jurugambar, **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI** ketika ditemui pada sesi wawancara khas dekat Pusat Perkhidmatan Setempat Nelayan (PPSN), Permatang Damar Laut di sini baru-baru ini.

Projek tambakan laut bagi membina tiga pulau buatan melibatkan Pulau A, Pulau B dan Pulau C keseluruhannya berkeluasan 4,500 ekar iaitu Pulau A berukuran 2,300 ekar, Pulau B (1,400 ekar) dan Pulau C (800 ekar).

Mengulas lanjut, Farizan mengulangi komitmen Kerajaan Negeri bahawa sedaya-upaya akan memenuhi kesemua 72 syarat Laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) sepertimana yang dikehendaki oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) dalam kelulusannya pada 25 Jun 2019.

"Kesemua 72 syarat yang dikenakan sebenarnya berperingkat, ada yang semasa pelaksanaan kerja-kerja tambakan dan ada yang sebelum projek dilaksanakan lagi.

"Bagaimanapun, projek penambakan ini harus bermula sebelum 24 Jun 2021 iaitu sebelum EIA yang diluluskan tamat tempoh," jelasnya sambil memberitahu bahawa kelulusan EIA yang diberikan mempunyai tempoh sah laku untuk dua tahun sahaja.

Umumnya, projek PSR akan dilaksanakan oleh SRS Consortium Sdn. Bhd. (SRS Consortium) selaku Rakan Pelaksana Projek (PDP) dan firma seni bina yang berpengkalan di Denmark, *Bjarke Ingels Group* (BIG) telah dipilih sebagai pereka pelan induk PSR baru-baru ini.

PICSB yang ditubuhkan Julai lalu akan bertindak untuk merancang dan membangunkan kawasan PSR termasuk pembangunan di atas tiga buah Pulau A, B dan C apabila ia siap kelak.

Cadangan penambakan laut di selatan pulau tersebut adalah bertujuan mewujudkan bank tanah bagi membiayai projek Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PTMP) yang dianggarkan bernilai kira-kira RM47 bilion.



**FARIZAN Darus (tengah) bersama-sama Pengarah Projek SRS Consortium, Azmi Mohamad (kanan sekali) dan Pengarah Pembinaan, Adil Putra Ahmad menunjukkan lakaran pembangunan Projek PSR sambil berlatarbelakangkan lokasi Pulau A.**

## PTMP

Selain itu, PICSB yang dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri dan telah diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 turut akan dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan projek infrastruktur mega PTMP.

Pemerbadanan syarikat berkaitan adalah bertujuan melaksanakan projek infrastruktur mega yang merangkumi komponen transit aliran ringan (LRT) Bayan Lepas, Lebuhraya Pan Island Link 1 dan 2A, (PIL 1 dan PIL 2A), PSR dan tiga jalan utama serta terowong dasar laut.

Difahamkan, projek LRT Bayan Lepas, PIL 1 dan 2A serta PSR adalah dipertanggungjawabkan kepada SRS Consortium selaku rakan pelaksana projek (PDP), manakala Zenith Consortium Sdn. Bhd. pula bagi pelaksanaan projek bagi tiga jalan utama dan terowong dasar laut.

## Penglibatan pihak berkepentingan

Difahamkan bahawa lebih 5,000 pihak-pihak berkepentingan dan orang perseorangan telah terlibat sejak Disember 2015 sehingga Julai 2020.

Farizan memberitahu bahawa pelbagai pihak telah terlibat di dalam sesi *'engagement'* ini seperti golongan nelayan, pengguna pantai, pengusaha perniagaan dan juga pengusaha pusat penetasan.

"Seramai 5,762 orang telah terlibat dalam sesi yang diadakan pada tempoh tersebut yang mana mereka boleh mendapatkan maklumat sahih berkaitan projek PSR melalui PPSN yang ditubuhkan di dua lokasi iaitu Permatang Damar Laut serta Gertak Sanggul," maklum beliau.

## Kemudahan lebih baik

Menurut Farizan, bagi memastikan situasi menang-menang, Kerajaan Negeri akan sedaya-upaya cuba untuk memenuhi permintaan para nelayan berdasarkan permintaan yang bersesuaian.

"Nelayan dapat terus pergi ke laut, manakala Kerajaan Negeri juga dapat meneruskan projek ini.

"Mungkin sebelum ini mereka tidak mendapat gambaran sebenar, tetapi daripada sesi *engagement* yang dilakukan sejak 2015, golongan berkaitan kini lebih terbuka dan nampak gambaran sebenar.

"Penambakan pulau buatan ini sebenarnya tidak dilakukan bermula dari kawasan pantai sebaliknya ia akan ditambak sejauh 250m (meter) jauh dari kawasan pantai yang akan mewujudkan saluran air (laut) seluas 250m untuk nelayan melakukan aktiviti memancing, menjala dan menavigasi hingga hujung laut yang lebih dalam.

"Bahkan, jarak di antara Pulau A ke Pulau B dan seterusnya Pulau C juga akan dipisahkan dengan jarak yang sama 250m," ulasnya.

Difahamkan bahawa, cadangan saluran 250m berkaitan dicadangkan setelah mempertimbangkan kajian haudralik serta laporan yang telah dipersetujui oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

Sebagai tambahan, kepada golongan nelayan, Farizan memaklumkan bahawa SRS Consortium turut mencadangkan penyediaan empat dermaga nelayan untuk membantu unit nelayan yang terkesan daripada kerja penambakan.

"Salah satu jeti yang dicadangkan akan terletak berhampiran Stesen LRT Bayan lepas yang dicadangkan dekat Permatang Damar Laut dan merupakan lokasi stesen (LRT) terakhir.

"Ia adalah lokasi utama dan memiliki potensi besar... mungkin pelancong yang turun di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PIA) akan menggunakan LRT dan turun di sini (Permatang Damar Laut) semata-mata untuk menikmati masakan makanan laut segar sebelum menuju ke destinasi lain.

"Sebenarnya apa yang kita rancangkan, pembangunan ini bakal memberikan kemudahan lebih baik di samping meningkatkan kualiti kehidupan nelayan serta masyarakat yang tinggal di sekelilingnya," katanya.

## Pakej pampasan untuk nelayan

Dalam pada itu, ketika ditanya berhubung pakej pampasan yang akan diberikan kepada golongan nelayan terkesan, Farizan memaklumkan bahawa pihaknya (PICSB) bersama-sama SRS Consortium kini berada di peringkat akhir untuk merumuskan pakej berkenaan berserta bantuan lain.

"Cadangan ini akan dikemukakan kepada Jawatankuasa Pasukan Petugas Nelayan yang diketuai oleh Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman.

"Proposal ini lazimnya adalah berkaitan dengan masalah serta permintaan nelayan yang terkena impak, dan hasil daripada mesyuarat pada 4 September 2020 akan dibawa kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) untuk persetujuan selanjutnya.

"Kita berharap dapat mengemukakan cadangan akhir kepada pihak Exco pada bulan ini, dan seterusnya lebih banyak sesi *engagement* dengan nelayan dan pihak terlibat dapat diadakan setelah proposal dipersetujui," maklumnya.

## Cabaran

Umumnya, Farizan bukan nama asing di Pulau Pinang, beliau sebelum ini pernah berkhidmat sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang sebelum bersara wajib pada November tahun lalu.

Ditanya mengenai cabaran tugas baharu yang digalasnya kini, Farizan yang ramah berbicara memaklumkan bahawa penugasan kini memerlukan fokus yang lebih mendalam dalam memastikan pelaksanaan projek-projek yang dipertanggungjawabkan mencapai matlamat.

"Saya juga memantau projek-projek mega ketika menjawat jawatan sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri dahulu walaupun bukanlah secara langsung, tetapi kini adalah sedikit berbeza yang mana selaku Ketua Pegawai Eksekutif PICSB, tugas saya adalah merancang, mengurus, memantau dan melaksanakan projek.

"Kedudukan ini menuntut saya untuk lebih fokus kepada tugas, malah dalam tempoh sebulan memegang jawatan ini, saya telah mengadakan kunjungan ke kawasan selatan pantai Pulau Pinang sebanyak tiga kali, menghadiri Bengkel Rancangan Pengurusan Impak Sosial (SIMP) pada 7 Ogos lalu dan lain-lain," ujar beliau.





**ILUSTRASI grafik seni bina oleh BIG. (Sumber Grafik: BIG).**

# Khaira Ummah 2030: pelan pembangunan satu dekad umat Islam

**PELANCARAN** Pelan Pembangunan 10 Tahun Umat Islam Pulau Pinang yang dikenali sebagai Khaira Ummah 2030 telah disempurnakan oleh Yang Dipertua Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas pada 29 Zulhijjah 1441 iaitu pada 19 Ogos 2020 di Masjid Albukhary, Bandar Sri Pinang.

Bermatlamat memberdayakan umat Islam Pulau Pinang menerusi program-program pembangunan keilmuan, ekonomi, kekeluargaan, anak muda dan kerohanian, pelan pembangunan ini turut merangkumi visi mempersiapkan umat Islam yang terbaik untuk negeri Pulau Pinang menjelang tahun 2030.

Wartawan Buletin Mutiara, **AINUL WARDAH SOHILLI** bersama-sama jurugambar, **AHMAD ADIL MUHAMAD**, baru-baru ini sempat menemu bual secara eksklusif pencetus idea Khaira Ummah 2030 iaitu Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman di pejabat beliau di Komtar.

## Ilham Khaira Ummah 2030

Merangkap jawatan sebagai Exco Hal Ehwal Agama Islam bagi negeri Pulau Pinang serta terlibat secara aktif dalam pengurusan masjid di Bertam, Seberang Perai Utara, Ahmad Zakiyuddin akui sedikit-sebanyak menjadi sumber ilham tercetusnya pelan pembangunan Khaira Ummah 2030 ini.

"Apabila diberi tanggungjawab dan amanah untuk mentadbir hal ehwal agama Islam, terdetik di hati untuk membangunkan bukan sahaja agama Islam di negeri ini tetapi juga umat Islam keseluruhannya.

"Pelan pembangunan ini juga sebahagiannya adalah untuk meneruskan usaha pembangunan ummah yang telah dilaksanakan oleh Exco (Hal Ehwal Agama Islam) terdahulu.

"Malah, pelan pembangunan ini menggambarkan iltizam untuk kembali menghidupkan semula sirah Rasulullah S.A.W. dalam membina sebuah masyarakat bahkan negara, 'Baldatun Tayyibatun Wa Rabbun Ghafur' (negara yang baik dan mendapat pengampunanNya," jelasnya" jelasnya ketika memulakan bicara.

## H.E.B.A.T - Teras Pembangunan

Menurut Ahmad Zakiyuddin, seperti visi Penang2030 yang digagaskan oleh Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow, Khaira Ummah 2030 turut mempunyai teras pembangunan untuk menggerakkan pembangunan ummah.

"Teras pertama adalah Hikmah yang mana melalui Khaira Ummah 2030 ini, kita (Kerajaan Negeri) akan mengembalikan peranan Pulau Pinang sebagai pusat pengembangan ilmu Islam serantau.

"Sebab itu, salah satu tumpuan atau penekanan saya adalah untuk menjadikan masjid sebagai pusat penyebaran ilmu dan bukan semata-mata tempat beribadat.

"Kita mahu memperkasakan pendidikan Islam untuk seluruh masyarakat melalui penganjuran program-program dan sebagainya," ujarnya.

Teras kedua, kata Ahmad Zakiyuddin adalah Ekonomi yang mana umat Islam menjadi penyumbang utama sektor ekonomi negeri Pulau Pinang.

"Melalui teras kedua ini, kempen-kempan wakaf akan terus diperkasakan termasuk usahawan Muslim yang berniaga.

"Seterusnya adalah teras ketiga iaitu Baiti Jannati, Rumahku Syurgaku yang akan membentuk komuniti Muslim yang progresif bermula dari rumah.

"(Dan) ini membawa kepada teras keempat iaitu melahirkan satu generasi Anak Muda Islam yang kompeten serta memiliki upaya dan kewibawaan.

"Teras terakhir yang kelima adalah Tarbiyah melalui pemerkasaan masjid sebagai pusat pembangunan komuniti Muslim menerusi tiga komponen iaitu dakwah fardhiyah, dakwah digital dan masjid ummatik.

"Maka secara ringkasnya, Khaira Ummah 2030 mempunyai lima teras iaitu H.E.B.A.T. (secara akronim)," hurainya satu-persatu.

Tambah Ahmad Zakiyuddin, seramai 100 pemegang taruh *(stakeholders)* daripada pelbagai latar kepakaran digerakkan bagi menjayakan Khaira Ummah 2030.

## Cabaran

Memahamkan masyarakat mengenai pelan pembangunan 10 tahun umat Islam merupakan cabaran yang perlu diharungi.

"Jika sebelum ini kita sering dengar laungan mengenai konsep 'Rahmatan Lil 'Alamin', atau semasa zaman mantan Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi dengan 'Islam Hadhari' dan kini 'Khaira Ummah' pula.

"Matlamat akhir kesemua (konsep) ini adalah sama, cuma pendekatan yang diambil adalah berbeza mengikut peredaran masa.

"Mungkin apabila saya mula turun padang nanti, akan diterangkan apa yang ingin dicapai melalui Khaira Ummah 2030 ini termasuklah menyediakan generasi masa depan.

"Tambah-tambah dalam situasi dunia sekarang berdepan dengan krisis kesihatan COVID-19, sedikit-sebanyak membantutkan usaha untuk bersama-sama masyarakat dengan lebih kerap," kongsi Ahmad Zakiyuddin yang juga Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP).

## Jelajah Khaira Ummah 2030

Difahamkan, satu program jelajah iaitu Jelajah Khaira Ummah 2030 akan diadakan sekitar bulan September 2020 sehingga Februari 2021 membabitkan 12 buah masjid terpilih.

"Tujuan jelajah ini adalah untuk menyampaikan maklumat dan perkembangan semasa pelan pembangunan ini ke peringkat akar umbi, yang mana, rakyat perlu tahu bahawa kita mempunyai pelan pembangunan 10 tahun untuk umat Islam di Pulau Pinang," katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pinang Tunggal.

## Harapan

Secara peribadi, Ahmad Zakiyuddin berharap pelan pembangunan 10 tahun umat Islam ini dapat dijadikan model yang baik serta menjadi contoh dan rujukan seantero dunia.

"Ini (pelan pembangunan) merupakan model yang baik, ringkas dan lengkap untuk tempoh 10 tahun serta boleh dicontohi oleh semua termasuk seluruh dunia.

"Pelan pembangunan ini boleh disemak, dikaji dan diperbaiki dari masa ke masa bagi memastikan momentumnya kekal malar untuk suatu tempoh yang lama," bicaranya.




**POSTER ringkasan Pelan Pembangunan 10 Tahun Umat Islam Pulau Pinang, Khaira Ummah 2030.**



**IR. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman pada sesi temu bual di sini baru-baru ini.**

# Pelitup muka edisi terhad jana pendapatan suri rumah



**YEOH Soon Hin (kiri) sambil diiringi Haryany Mohamad meneliti beberapa koleksi pelitup muka edisi terhad LMNPP sejurus majlis pelancarannya di sini baru-baru ini.**

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**GEORGE TOWN -** Tekat manik nyonya, *antique ceiling lamp*, acuan kuih bahulu, *embossed collection, signature green flora and fauna* antara 15 corak artifak menarik pelitup muka yang dipromosikan Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang (LMNPP).

Mengulas lanjut, Exco Pelancongan dan Ekonomi Kreatif, Yeoh Soon Hin berkata bahawa penjualan pelitup muka hasil lukisan dan artifak seni edisi terhad oleh LMNPP merupakan inisiatif kreatif ekonomi dalam membantu perniagaan tempatan.

"Adalah diharapkan bahawa penglibatan suri rumah dalam menjahit serta menjual aksesori kreatif itu dapat menjana pendapatan tambahan keluarga masing-masing.

"Selain itu, apabila dipakai, ianya juga dapat mempromosikan karya hasil seni anak tempatan demi mewujudkan kesedaran serta menyemarakkan rasa kekitaan terhadap warisan negara dan asal usul kita.

"Malah, dengan penghasilan pelitup muka fabrik (berpenapis) yang boleh dicuci, ianya juga dapat mengurangkan jumlah pelitup muka pakai buang," ujarnya pada Majlis Pelancaran Rasmi Edisi Terhad Pelitup Muka Fabrik LMNPP di sini baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Pengarah LMNPP, Haryany Mohamad memberitahu bahawa setiap karya seni yang tertera pada pelitup muka tersebut mempunyai penerangan yang disertakan khas.

"Bahan yang digunakan bersama penapis adalah disahkan selamat, penapis boleh ditukar, manakala pelitup muka boleh dibasuh dan seunit pelitup muka dijual pada harga RM20,'' jelasnya.

Tambah Haryany, karyawan-karyawan terkenal seperti Datuk Chuah Thean Teng, Syed Sallah Syed Mustafa, Khoo Sui Hoe, Foo Hong Tat, Syed Ahmad Jamal merupakan antara artis yang terlibat dalam menyediakan konsep lukisan kreatif pada pelitup muka edisi terhad LMNPP berkenaan.

Pembelian boleh dilakukan melalui aplikasi *WhatsApp di talian* 017-7601349 atau laman rasmi *Facebook Penang State Museum & Art Gallery.*




## *Penang Bridge International Marathon 2020* secara maya

**GEORGE TOWN –** Acara maraton antarabangsa yang paling dinanti-nantikan saban tahun, *Penang Bridge International Marathon* (PBIM) kini kembali buat julung kalinya dan bakal diadakan secara maya berikutan penularan pandemik COVID-19 di seluruh dunia.

Exco Pelancongan dan Ekonomi Kreatif, Yeoh Soon Hin berkata, dengan menggunakan tanda pagar *#PBIMVR #RUNNINGAGAINSTCOVID19*, acara maraton tahun ini bakal memberi pengalaman berbeza dan menyeronokkan kepada peserta.

"Tahun ini merupakan kali pertama, PBIM diadakan secara larian maya atau *virtual run* menggunakan aplikasi yang boleh dimuat turun di seluruh dunia.

"Secara umum, garisan permulaan bagi acara ini boleh jadi di mana-mana sahaja dan larian akan direkodkan melalui aplikasi menggunakan akses GPS (sistem penentudududukan sejagat) dan capaian internet," ujarnya pada sidang media di sini pada 1 September lalu.

Hadir sama, Pengurus Projek PBIM, Grace Teoh Koon Gee dan wakil syarikat pereka aplikasi bagi PBIM, Tan Chin Chin.

Menurut Soon Hin, PBIM telah menjadi platform pertemuan bagi para pelari maraton sama ada profesional mahupun amatur dari seluruh dunia.

"(Dan) tahun inipun tiada bezanya, cuma diadakan secara maya yang mana pihak kami percaya para peserta boleh berlari tanpa batasan di tempat masing-masing.

"Meskipun kebanyakan acara maraton atau larian antarabangsa yang ditunda atau dibatalkan kerana COVID-19, PBIM tetap diteruskan secara maya kerana kita tidak mahu mengecewakan peminat tegar yang saban tahun menyokong penganjuran PBIM," katanya.

Difahamkan, kategori maraton dikekalkan kepada tiga kategori iaitu 10 kilometer (km), 21km bagi separuh maraton dan 42km larian penuh.

"Penganjuran PBIM 2020 kali ini tidak mempunyai pek penyertaan mahupun pingat tetapi peserta yang layak akan menerima sijil elektronik *(e-certificate)*.

"Sijil elektronik ini akan diberikan kepada mereka yang berjaya habis mengikut masa yang ditetapkan iaitu 1.5 jam bagi acara 10km; 3.5 jam (21km) atau 7 jam bagi penuh.

"Setiap peserta juga diberi masa 48 jam untuk menyempurnakan larian yang mereka sertai mengikut kategori bermula 12:01 pagi pada 21 November 2020 sehingga 11:59 malam pada 22 November 2020 mengikut zon waktu Malaysia.

"Malah, peserta boleh menyertai lebih daripada satu kategori selagi dalam tempoh 48 jam yang ditetapkan," jelas Soon Hin yang tidak meletakkan sasaran penyertaan tahun ini.

Sebagai rekod, penganjuran PBIM tahun lalu (2019), jumlah penyertaan direkodkan adalah 25,000 orang.

Ditanya mengenai aplikasi PBIM 2020, Soon Hin berkata, aplikasi masih belum sedia.

"Nantikan pengumuman lanjut mengenai aplikasi ini yang mana boleh didapati melalui *Play Store* atau *Apple Store* secara percuma.

"Pendaftaran secara percuma boleh dibuat mulai 1 Oktober ini," katanya.

Maklumat lanjut sila layari *Facebook Page : penangbridgemarathon*.




**POSTER promosi *Penang Bridge International Marathon Virtual Run 2020.***

# PYDC, Big Domain sasar lahirkan belia era digital

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **ALVIE CHENG**

**GEORGE TOWN** – Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) bersama-sama syarikat pembangun laman sesawang, Big Domain Sdn. Bhd. (Big Domain) memeterai perjanjian persefahaman sebagai satu inisiatif baharu melahirkan belia era digital melalui program Platform Bakat Digital Pulau Pinang.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa objektif utama program berkenaan adalah untuk melahirkan golongan belia yang mempunyai bakat bidang pendigitalan dalam tempoh dua tahun.

"Semestinya salah satu objektif utama lain adalah untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai hab bakal digital sejajar dengan visi Penang2030 bagi meningkatkan pendapatan isi rumah.

"Selain itu, melalui program ini, dijangkakan 1,000 peluang pekerjaan baharu untuk belia Pulau Pinang diwujudkan dengan menyokong perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dalam proses transformasi digital.

"Malah, program ini juga membantu membangunkan ekonomi jangka pendek atau *'economy gig'* di Pulau Pinang khasnya.

"Maka, diharap melalui MoU ini, bakat-bakat digital baharu dapat dicungkil menerusi pelbagai program latihan dan pembangunan bersama yang telah dipersetujui," ujarnya ketika berucap pada Majlis Menandatangani MoU antara PYDC dan Big Domain di sini 2 September lalu.

Menyempurnakan majlis berkaitan ialah Pengurus Besar PYDC, Dr. Gwee Sai Ling dan Ketua Pegawai Eksekutif yang juga Pengasas Bersama Big Domain, Herry Tye di hadapan Ketua Menteri.

Turut hadir, Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee; Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo; Exco Pelancongan dan Ekonomi Kreatif, Yeoh Soon Hin; Ketua Pegawai Eksekutif Digital Marketing Network, Bob Lay dan Pengasas Bersama Moden Academy, Chuah Thian Hiang.

Menurut Kon Yeow, melalui MoU yang dimeterai, PYDC bersama-sama Big Domain bersetuju untuk bertukar-tukar pengetahuan serta pengalaman dalam bidang pendigitalan termasuk mengadakan program latihan dan pembangunan digital bersama.

"Malah, kedua-duanya akan memberikan pandangan industri serta peluang kerjaya yang disasarkan kepada golongan belia dan apa jua kolaborasi lain yang memberi manfaat dan dipersetujui oleh kedua-dua pihak dari semasa ke semasa.

"Saya percaya melalui program ini, ia akan menjadi medium perantaraan bagi memadankan bakat digital dengan perkhidmatan digital yang diperlukan pada masa kini.

"Serentak itu, Big Domain juga telah bersetuju untuk menaja sepenuhnya program ini melalui laman sesawang PYDC dan PYDC akan melaksanakan program latihan dan pembangunan bakat," jelasnya yang percaya bahawa program berkaitan adalah sangat penting iaitu seiring dengan perkembangan trend semasa dunia yang menuju ke arah perdagangan secara dalam talian dan pendigitalan.

Difahamkan Big Domain selaku pengelola program akan menjemput rakan seperti *Moden Academy, EVO Marketing, Digital Marketing Network* dan *KK eCommerce* untuk sama-sama terlibat dalam program-program latihan dan pembangunan digital.

Antaranya program *Key Opinion Leader (KOL) and Influencer;* Revolusi Industri 4.0; e-perdagangan; jurureka; kenyataan media; penulisan iklan dan penyuntingan video.

Bagi belia yang berminat, syarat-syarat yang ditetapkan untuk menyertai program Platform Bakat Digital Pulau Pinang adalah had umur antara 18 hingga 30 tahun; warganegara Malaysia dan dilahirkan di Pulau Pinang atau bermastautin sekurang-kurangnya tiga tahun pada tarikh pendaftaran program.



**KETUA Menteri sambil diiringi Soon Lip Chee (kanan sekali), Dr. Gwee Sai Ling (kiri sekali) dan Herry Tye (dua dari kanan) menunjukkan dokumen berkaitan sejurus Majlis Menandatangani MoU antara PYDC dan Big Domain di sini baru-baru ini.**

## Ketengah produk usahawan menerusi 'Pasar Co-op' KADUN

**SUNGAI BAKAP -** Kerajaan Negeri berharap lebih banyak produk jenama lokal yang dihasilkan oleh usahawan kecil dan sederhana (PKS) serta koperasi setempat dapat diketengahkan melalui 'Pasar Co-op' anjuran setiap Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN).

Exco Perdagangan Industri dan Pembangunan Keusahawanan, Dato' Abdul Halim Hussain berkata bahawa menerusi penganjuran acara karnival berkaitan, ia akan memberi peluang kepada rakyat terutama yang berpendapatan isi rumah 40 peratus paling rendah (B40) untuk membeli barang keperluan asasi berkualiti pada potongan harga antara 15 hingga 20 peratus.

"Kita (Kerajaan Negeri) bersama-sama Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Pulau Pinang, jalin antara dua portfolio ini (iaitu Kesuhawanan dan Koperasi) untuk jelajah ke seluruh negeri...kita cuba untuk buat di setiap KADUN.

"Kita (Kerajaan Negeri) pilih satu program di setiap daerah...pada tahun lepas (2019), kita anjur di Masjid Sungai Acheh dalam KADUN Sungai Acheh, dan kini kita pilih KADUN Sungai Bakap.

"Ketika PKP (Perintah Kawalan Pergerakan) ini, banyak sektor ekonomi terjejas...salah satu cara untuk kita mengurangkan 'sakit' sektor peruncitan dan pemborong adalah dengan menganjurkan 'Pasar Co-op' (koperasi) ini.

"Dan, untuk meringankan beban orang ramai, harga jualan barang-barang di pasar ini adalah lebih murah berbanding harga pasaran.

"Justeru, kita (Kerajaan Negeri) harap usahawan kecil dan sederhana dan juga penggerak koperasi dapat merebut peluang untuk mengetengahkan produk sendiri dalam 'Pasar Co-op' ini," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung ketika merasmikan acara karnival tersebut dekat pekarangan Masjid Kampung Gajah, Simpang Empat di sini pada 22 Ogos 2020.

Pada majlis sama, Abdul Halim turut menyampaikan pek bantuan serta baucar bernilai RM30 kepada 30 penerima terpilih, untuk ditebus dengan barangan keluaran lokal di pasar tersebut.

Selain itu, beliau turut menyampaikan khemah niaga bersaiz 10' X 10' kepada beberapa penjaja kecil tempatan serta menyempurnakan acara cabutan bertuah sebagai menghargai pengunjung lokal.

Dalam pada itu, **ROSHADAH MD. AROFF**, 52, merupakan antara 30 usahawan kecil dan sederhana yang menyertai 'Pasar Co-op' KADUN Sungai Bakap di sini.

Menurut beliau, sejak tahun 2016, beliau mengeluarkan produk makanan berkhasiat yang diberi nama 'Kerepek Daun Sup'.

Oleh itu, tambah beliau, 'Pasar Ko-op' DUN Sungai Bakap merupakan salah satu platform untuk beliau memperkenalkan produk jenama sendiri kepada pemborong serta peruncit termasuk di luar daerah.

"Daun sup ini sebenarnya ada pelbagai khasiat seperti 'cuci' buah pinggang, menurunkan tekanan darah dan sebagainya, tetapi tidak ramai yang mengetahui untuk olah supaya menjadi produk komersial.

"Jadi, sejak empat tahun lepas, saya usaha sendiri olah khasiat daun sup ini menjadi kerepek untuk dimakan rangup pada bila-bila masa, agar lebih ramai dapat khasiat daripada sayuran ini.

"Alhamdulillah, kini saya mempunyai kilang di Kompleks FAMA (Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan) dekat Kampung Selamat, Tasek gelugor.

"Beratan tiap-tiap pek adalah 100 gram (g) dan harga jualan adalah RM10 untuk tiga pek.

"Fokus saya menyertai 'Pasar Co-op' ini adalah untuk mengetengahkan produk jenama sendiri, di samping mencari pemborong serta peruncit untuk meluaskan pasaran sedia ada," ulasnya.

Tinjuan wartawan Buletin Mutiara mendapati kira-kira 250 pengunjung menyertai acara perasmian 'Pasar Co-op' KADUN Sungai Bakap, masing-masing lengkap memakai pelitup muka serta senantiasa mengamalkan penjarakan fizikal 1 meter (m) antara satu sama lain.

## PDC Telco ulas LKAN, bukti kedudukan kewangan syarikat kukuh

**GEORGETOWN–**Sejumlah RM1.82 juta jumlah tunggakan hasil bagi sewaan struktur menara telekomunikasi di negeri ini berjaya dikutip oleh PDC Telecommunications Services Sdn. Bhd. (PDC Telco) setakat ini.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, P. Ayappan Pappu Pillay memberitahu bahawa ia menjadikan jumlah baki semasa yang masih belum dikutip ketika ini adalah sebanyak RM390,000.

Beliau berkata demikian sebagai menjawab beberapa isu dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2018 Siri 3 termasuk tunggakan hasil sewaan struktur telekomunikasi berjumlah RM2.21 juta yang masih belum dikutip oleh PDC Telco.

"Tunggakan hasil sewaan telah berjaya dikurangkan sebanyak 86 peratus dengan penyelenggaraan pula dilakukan secara berkala sebanyak empat kali setahun manakala audit tapak dibuat tiga kali setahun.

"Di samping itu, LKAN juga membangkitkan mengenai pelantikan kontraktor yang tidak mematuhi prosedur perolehan ditetapkan serta kelulusan pemilihan kontraktor diputuskan melalui resolusi Lembaga Pengarah sahaja.

"Bagi makluman, semua kelemahan yang dibangkitkan sudah diperbaiki pada tahun 2018 dengan mewujudkan prosedur operasi standard (SOP) yang baharu dan perkara ini telah dilanjutkan kepada Jabatan Audit Negara," katanya pada sidang media di sini 3 September lalu.

Turut hadir, Exco Infrastruktur dan Pengangkutan, Zairil Khir Johari serta Ketua Penolong Setiausaha Kanan Bahagian Kerajaan Tempatan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Nur 'Aishah Md. Norodin.

Mengulas lanjut, Ayappan berkata bahawa kemampuan PDC Telco membayar dividen berjumlah RM4 juta pada tahun 2018 dan RM6 juta (2019) kepada Perbadanan Pembangunan Pulau pinang (PDC) membuktikan kedudukan kewangan syarikat berkaitan adalah kukuh.

"PDC Telco juga merekodkan keuntungan bagi tempoh lima tahun berturut-turut selain tahap kecairan serta kestabilan menunjukkan syarikat berupaya menyelesaikan obligasi pada bila-bila masa serta mampu membiayai aktiviti yang dirancang.

"Bagi tahun 2018, PDC Telco merekodkan hasil berjumlah RM10.61 juta, manakala tahun 2019 pula adalah sebanyak RM12.66 dan dijangka meningkat kepada RM13 juta pada 2020," ulasnya.

Mengulas mengenai teguran LKAN berkaitan pembinaan lima struktur telekomunikasi tanpa kebenaran, Ayappan menjelaskan bahawa kelima-lima struktur tersebut dibina selepas mendapat kelulusan awal daripada Pihak Berkuasa Negeri pada 2010.

Walau bagaimanapun, beliau menyatakan bahawa binaan struktur berkenaan gagal mematuhi syarat yang terkandung dalam Prosedur dan Garis Panduan Menara dan Struktur Pemancar Telekomunikasi Negeri Pulau Pinang yang dilancarkan pada 2015.

"Oleh itu, PDC Telco telah merobohkan dua struktur manakala tiga lagi dibiarkan tidak beroperasi sehingga kepatuhan syarat-syarat dicapai.

"Kini, dua daripada tiga struktur berkaitan telah kembali beroperasi manakala satu lagi akan beroperasi semula selepas mendapat kelulusan Lesen Pendudukan Sementara dan kelulusan pelan bangunan," ulasnya.

# TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453
Layarilah Laman Web : http://www.penang.gov.my

**Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.**

**(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)**

No Akaun : 10971
Peminjam : MOHD SAFWAN BIN DALBADALSA MERICAN - 87071635****
20 LORONG INANG DUA, TAMAN BUNGA RAYA 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : DALBADALSA MERICAN BIN ISAHAK MERICAN - 53022607****
20 LORONG INANG 2, TAMAN BUNGA RAYA 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : SURIATI BINTI SINGGUN - 58111007****
20 LORONG INANG 2, TAMAN BUNGA RAYA 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 11011
Peminjam : NUR ARZILAWATI BINTI MD YUNUS - 86111835****
B-18-3 APARTMENT BANDAR TASEK SELATAN 57000 KUALA LUMPUR
Penjamin 1 : MD YUNUS BIN TAIB - 58020508****
BELAKANG TI-96 MK 7, PULAU BETONG, BALIK PULAU 11000 PULAU PINANG
Penjamin 2 : ISMAIL BIN AB HAMID - 54032602****
NO.141 JALAN SUNGAI 10150 SUNGAI PINANG, PULAU PINANG

No Akaun : 13010
Peminjam : MUHAMMAD MU ADZ BIN MOHD SAUFEE - 89011407****
E-6-5 TAMAN BUKIT JAMBUL, BAYAN BARU 11900 GEORGETOWN, PULAU PINANG
Penjamin 1 : MUHAMMAD UWAIS BIN MOHD SAUFEE - 93070307****
E-6-5 TAMAN BUKIT JAMBUL 11900 BAYAN BARU, PULAU PINANG

No Akaun : 13014
Peminjam : AFINA BINTI AB HAMID - 93040207****
124A KAMPUNG MATAHARI NAIK, TELUK KUMBAR 11920 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 1 : AMIELIA BINTI AB HAMID - 91063002****
124 A KAMPUNG MATAHARI NAIK, TELUK KUMBAR, BAYAN LEPAS 11920 PULAU PINANG

No Akaun : 13021
Peminjam : MUHAMMAD YAZID BIN ABDUL AZIZ - 88101707****
1-8-7 FLAT MEDAN TENGKU 11600 GEORGETOWN, PULAU PINANG
Penjamin 1 : HARFA AYU BINTI ABDUL AZIZ - 89101307****
1-8-7 FLAT MEDAN TENGKU 11600 GEORGETOWN, PULAU PINANG

No Akaun : 13031
Peminjam : MOHD RAHIMMAN BIN ILIAS - 89010735****
NO.6549 MUKIM 2, SAMA GAGAH 13500 PERMATANG PAUH
Penjamin 1 : ROSMIDA BINTI ILIAS - 82091702****
NO. 8558 UNIT 2, JALAN JARAK ATAS 13310 TASEK GELUGOR, PULAU PINANG

No Akaun : 13040
Peminjam : EDWIN RAJ A/L MANOGARAN - 92082008****
NO.25 LORONG KESUMBA 3, TAMAN KESUMBA 14200 SUNGAI BAKAP, SPS
Penjamin 1 : YASOTHARAN A/L KUNUSEGARAN - 92112608****
NO.1490 LORONG RIA 6, TAMAN RIA, LUNAS 09400 KEDAH

No Akaun : 13073
Peminjam : MUHAMMAD FAZLISHA BIN SHAHARIZAN - 87092135****
SUNRISE VILLA 12, TINGKAT BAGAN BARU 18, TAMAN BAGAN BARU 18, 12000 BUTTERWORTH
Penjamin 1 : ISMA SHAERAH BINTI RAMLI - 95022107****
WELLESLEY RESIDENCE , BLOK A-10-5 JALAN HARBOUR PLACE 1, 12100 BUTTERWORTH

No Akaun : 13074
Peminjam : MUHAMAD SAIFUL BIN ZAKARIA - 98081907****
9057 MERBAU KUDUNG, SUNGAI DUA 13800 BUTTERWORTH
Penjamin 1 : AFLAH FATIMAH HUTASUHUT - 70031061****
9057 MERBAU KUDUNG, SUNGAI DUA 13800 BUTTERWORTH

No Akaun : 13205
Peminjam : MUHAMMAD IZZUDDIN BIN MANSOR - 95060407****
60 LORONG MAJU 2, TAMAN HAJI ABDULLAH FAHIM 13200 KEPALA BATAS,SPU
Penjamin 1 : MUHAMMAD HAZIM BIN UMAR - 95083007****
NO.33 JALAN INANG, TAMAN INANG, ALOR SETAR, 06250 KEDAH

No Akaun : 13231
Peminjam : NURUL FASIHAH BT ROHIZAN - 93060107****
B-1-8 UNIT NO.3 FRU, JALAN SEMPADAN 11400 GEORGETOWN, PULAU PINANG
Penjamin 1 : MUHAMMAD HAZIQ BIN SUJAINI - 93102110****
LOT 5702 BATU 13 1/2, JALAN MELOR, OFF JALAN DATO HUSSIN, KG SG SERDANG 42200 KAPAR, SELANGOR

No Akaun : 13260
Peminjam : CHONG JOO LI - 96120602****
10 LORONG BUKIT MINYAK UTAMA 16, TAMAN BUKIT MINYAK UTAMA 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : CHONG POH TING - 86081735****
NO.10 LORONG BUKIT MINYAK UTAMA 16, TAMAN BUKIT MINYAK UTAMA 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 13262
Peminjam : SITI NUR WAHIDAH BINTI ROSDI - 94100407****
16-G-1, PERMATANG DAMAR LAUT 11960 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 1 : JAMSIAH BINTI HAMZAH - 69042402****
16-G-1 PERMATANG DAMAR LAUT 11960 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG

No Akaun : 13285
Peminjam : NAIMAH BINTI NASAR - 88122307****
157 C JALAN MAKLOOM, SUNGAI PINANG 10150 GEORGETOWN, PULAU PINANG
Penjamin 1 : MOHD NASIR BIN MYDIN PILLAY - 88100307****
157 C JALAM MAKLOOM, SUNGAI PINANG 10150 PULAU PINANG

GOLDEN GATEWAY
HAK MILIK KEKAL

KEMUNCULAN IKON PERINDUSTRIAN BAHARU DI BATU KAWAN
Produksi • Gudang • Ruang Pameran • Pejabat

Dijangka Siap Pada Suku Pertama 2021



5% Diskaun untuk pembeli Bumiputera

Harga daripada RM 2.74 Juta

Akses terus ke Jambatan Kedua Pulau Pinang

- Kawasan Binaan 5,565 kps dan 7,049 kps
- Permuatan Depan Yang Tinggi (5.4m)
- Laluan Alternatif Tanpa Tol (dari Nibong Tebal / Jawi ke Batu Kawan)

GALERI JUALAN DIBUKA SETIAP HARI UNTUK KUNJUNGAN.

GOLDENLAND
Reg No: 199401012688 (298367-A)

Pemaju:
Sparkle Selections Sdn Bhd Reg No: 200601009414 (729164-H)
(Anak syarikat milik penuh Golden Land Berhad)
A-09-03, Empire Tower, Empire Subang, Jalan SS16/1, 47500 Subang Jaya,
Selangor Darul Ehsan, Malaysia. Tel: 03-5611 8844

www.goldengateway.com.my

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:
016-429 2199
016-424 7199

# Keselamatan komuniti diutamakan

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**SERI DELIMA –** Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) membelanjakan RM445,033 bagi kerja-kerja menurap beberapa jalan utama di sekitar Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Seri Delima.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima, Syerleena Abdul Rashid berkata bahawa penurapan jalan-jalan tersebut mampu meningkatkan tahap keselamatan pengguna jalan raya.



**SYERLEENA Abdul Rashid (kanan sekali) bersama-sama barisan wakil terlibat menunjukkan isyarat 'bagus' ketika memantau kerja-kerja penurapan yang telah siap dijalankan dekat Jalan Besi dan Jalan Gangsa di sini baru-baru ini.**

"Tindakan diambil apabila kami menerima aduan daripada penduduk yang mendapati keadaan permukaan jalan berlubang dan boleh mengundang bahaya kepada pengguna," ujarnya ketika memantau kerja-kerja penurapan yang telah siap dijalankan dekat persimpangan Jalan Besi dan Jalan Gangsa di sini baru-baru ini.

Hadir sama, wakil Jabatan Kejuruteraan MBPP, Rohayu Mohamed Rashid; Pengerusi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Green Lane Height, Yeap Kean Chye dan Pengerusi MPKK Island Park, Quah Boon Lim.

Bercakap kepada Buletin Mutiara, Boon Lim memberitahu bahawa penduduk setempat memberikan maklum balas positif ekoran laluan kini adalah lebih selesa serta selamat.

Difahamkan antara jalan-jalan terlibat adalah Jalan Besi, Tingkat Besi I dan 2, Lintang Besi, Jalan Gangsa, Lorong Gangsa dan Lintang Gangsa.

## Penjawat awam terima bubur asyura

**DIKONGSI BERSAMA...** Sempena bulan Muharam baru-baru ini, Persatuan Berbasikal Bike Maxx bersama-sama Persatuan Kami Peduli mengambil inisiatif mengedarkan bubur asyura kepada barisan penjawat awam di Komtar pada 1 September lalu.



**TEH Lai Heng (kiri sekali) bersama-sama Mohamed Yusoff Mohamed Noor (kanan sekali) mengedarkan bungkusan bubur asyura kepada salah seorang penjawat awam di sini baru-baru ini.**

Pengerusi Persatuan Berbasikal Bike Maxx merangkap Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Mohamed Yusoff Mohamed Noor berkata bahawa pihaknya memperuntukkan 400 bungkusan bubur untuk diagihkan.

"Ini merupakan tradisi biasa dalam menyambut bulan Muharam sempena meraikan bulan pertama dalam kalendar Islam.

"Malah, ini juga sebagai simbol perkongsian rezeki kepada penjawat-penjawat awam yang senantiasa berdedikasi menjalankan tugas serta amanah yang dipertanggungjawabkan," katanya kepada Buletin Mutiara ketika mengedarkan bungkusan-bungkusan bubur asyura di perkarangan tingkat bawah Menara Komtar di sini.

Turut serta, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng yang juga Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri.



# Jabatan Landskap johan Anugerah Pertandingan GRPB 2019 MBPP

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**GEORGE TOWN -** Jabatan Landskap, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dengan projek naik taraf tanah lapang Sungai Ara - fasa 4 dinobatkan sebagai pemenang Anugerah Kejohanan Bajet Penyertaan Rakyat dan Responsif Gender (GRPB) 2019.

Kemenangan tersebut membolehkan pasukan tersebut membawa pulang trofi kejohanan, wang tunai berjumlah RM7,000 dan piala pusingan.

Naib johan dan ketiga pertandingan yang dianjurkan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan dimenangi oleh Jabatan Konservasi Warisan.

Exco Pembangunan Sosial dan Hal Ehwal Bukan Islam, Chong Eng ketika menyampaikan ucapan perasmian antara lain menzahirkan penghargaan kepada MBPP kerana saling bekerjasama dengan agensi negeri, Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) dalam memperkasa lagi agenda GRPB di peringkat kerajaan tempatan.

"Sejak tahun 2012, GRPB cuba dilaksanakan di semua peringkat, walaupun ini tahun pertama MBPP bekerjasama menganjurkan anugerah kejohanan ini.



**CHONG Eng (berbaju merah) sambil diiringi Ar. Yew Tung Seang (empat dari kiri) menyampaikan replika cek sebagai simbolik kepada pasukan johan pertandingan Anugerah Kejohanan GRPB 2019 MBPP di sini baru-baru ini.**

"Tujuan pelaksanaan GRPB ini adalah untuk memberi lebih kuasa kepada gender yang berbeza di semua peringkat untuk menyatakan hasrat mereka untuk satu-satu perbelanjaan yang ingin dilaksanakan di peringkat kerajaan tempatan.

"Kita (Kerajaan Negeri) ingin mendengar hasrat mereka (rakyat), akhirnya kita membuat keputusan berdasarkan hasil maklum balas mereka ini," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Lalang pada majlis penyampaian hadian penganjuran berkaitan di sini pada 24 Ogos 2020.

Sebelum itu, Datuk Bandar MBPP, Dato' Ar. Yew Tung Seang berkata bahawa pentadbirannya komited untuk menjalinkan kerjasama lebih erat dengan Kerajaan Negeri dan PWDC demi memperluaskan pelaksanaan agenda GRPB di Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town khasnya.

"Anugerah Kejohanan GRPB 2019 yang buat kali pertama diadakan ini adalah untuk memperkukuhkan agenda-agenda (berkaitan) GRPB.

"GRPB adalah suatu isu berkaitan semua lapisan tanpa mengira jantina, umur dan latar belakang sosial; bukan hanya setakat (gender) wanita ataupun lelaki, orang tua ataupun orang muda.

"Paling penting, bagi MBPP adalah untuk mengambil kira kepelbagaian gender serta kaedah pelaksanaan (pembangunan bandar raya) supaya dasar-dasar yang dilaksanakan adalah lebih inklusif serta meluas," ujarnya sambil merakamkan penghargaan kepada Ketua Pegawai Eksekutif PWDC, Ong Bee Leng selaku ketua juri profesional bagi anugerah pertandingan tersebut.

Difahamkan, pusingan akhir pertandingan pada kali ini melibatkan 10 kumpulan daripada jabatan dalaman MBPP.



# Projek kontingensi demi percepat tadahan air Empangan Teluk Bahang



RAKAMAN Empangan Teluk Bahang pada 29 Ogos lalu.

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**TELUK BAHANG -** Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) bakal melaksanakan projek kontingensi tadahan air Sungai Pinang bermula September 2020 dalam usahanya memastikan kapasiti tadahan air di Empangan Teluk Bahang di sini diisi semula.

Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP, Dato' Ir. Jaseni Maidinsa berkata bahawa projek kontingensi tersebut akan membolehkan Empangan Teluk Bahang mempunyai dua sumber air mentah iaitu di kawasan tadahan air Teluk Bahang dan Sungai Pinang yang mana kedua-duanya menghubungkan jarak sekitar 8.6 kilometer (km) melalui jalan darat.

"Projek ini akan melibatkan pengalihan air mentah dari kawasan tadahan air Sungai Pinang iaitu berhampiran Air Terjun Titi Kerawang dengan menggunakan saluran paip air terawat 450mm (milimeter) sedia ada di muka sauk Sungai Pinang untuk mengalirkan air mentah terus ke empangan secara semula jadi.

"Dengan hujan yang dijangka turun bermula September sehingga awal Disember nanti, projek kontingensi ini akan sangat membantu untuk mengisi semula empangan dengan lebih cepat.

"Potensi hasil tadahan air dari Sungai Pinang dianggarkan sekitar 10 juta liter sehari (MLD)," ujarnya ketika bersama-sama Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Chow Kon Yeow melakukan tinjauan khas ke Empangan Teluk Bahang di sini 29 Ogos lalu.

Hadir sama, Exco Pelancongan dan Ekonomi Kreatif, Yeoh Soon Hin.

Sehingga 28 Ogos 2020, kapasiti efektif Empangan Teluk Bahang adalah pada kadar 16.4 peratus (25 meter) dan mencukupi untuk bekalan air selama 51 hari tanpa hujan kepada 38,000 akaun pengguna di sekitar Teluk Bahang, Batu Ferringhi serta Tanjung Bungah.

Bagi memastikan dasar tiada catuan air di Pulau Pinang, PBAPP difahamkan turut melaksanakan pelan komponen lain termasuk perancangan operasi pembenihan awan dan meminimumkan pelepasan air harian daripada Empangan Teluk Bahang sejak Januari lalu.



**KETUA Menteri bersama-sama Yeoh Soon Hin (dua dari kiri) dan Ir. Jaseni Maidinsa (kiri sekali) memerhatikan pelan projek kontingensi tadahan air bersempena lawatan ke Empangan Teluk Bahang di sini baru-baru ini.**

Rentetan itu, Jaseni turut memberi jaminan bahawa majoriti pengguna lain di seluruh Pulau Pinang adalah terjamin memandangkan 80 peratus daripada akaun pengguna menerima manfaat air daripada Empangan Mengkuang.

"Akaun pengguna lain di seluruh Pulau Pinang adalah terjamin memandangkan Empangan Mengkuang kini berada pada tahap 87 peratus," tambahnya.

Dalam pada itu, beliau memaklumkan bahawa lapan operasi pembenihan awan yang sepatutnya dilaksana pada akhir Ogos 2020 tidak dapat dilakukan seperti yang dijadualkan.

"Pada 24 Ogos lalu, kontraktor swasta yang dilantik oleh Jabatan Meteorologi Malaysia (METMalaysia) memaklumkan kepada Regulator Air Negeri Pulau Pinang (Badan Kawal Selia Air, BKSA) bahawa pihaknya belum menerima 'suar' yang diperlukan untuk operasi berkenaan.

"BKSA akan menghubungi dan meminta bantuan MetMalaysia untuk mempercepatkan siri operasi pembenihan awan secepat yang mungkin pada September ini," ulasnya.